

Jilid II
Bil. 15



Hari Rabu
17hb Disember, 1980

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1877]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1908]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 [Ruangan 1909]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TUN DATO' HAJI OMAR YOKE LIN ONG**,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ **MENTERI TAK BERPOTFOLIO, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR**,
S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ **Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI**
PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam**
Sekiatar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ **JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN**, P.S.M., S.P.M.K.,
D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ **TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR**, S.M.T., B.C.K., P.J.K.
(Kedah).
- „ **TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH**, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN**, P.S.M.,
D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ **TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID** (Dilantik).
- „ **TUAN ABDULLAH BIN SALLEH** (Perlis).
- „ **TUAN V. V. ABOO**, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ **DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN**, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N.,
J.P. (Dilantik).
- „ **TUAN ALEXANDER Y. L. LEE** (Dilantik).
- „ **TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH**, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ **DATUK CHOO CHING HWA**, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P.
(Dilantik).
- „ **DR CHOO KOOI FOOK** (Dilantik).
- „ **DATUK CHUA SONG LIM**, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P.
(Johor).
- „ **TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN** (Dilantik).
- „ **TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD**, A.M.N. (Kedah).
- „ **DATO HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM**, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S.,
S.M.J. (Dilantik).
- „ **PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH**
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Terengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR BIN MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Rabu, 17hb Disember, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

DASAR PERTUKARAN
SYARAT TANAH

1. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kementeriannya akan mencadangkan kepada Majlis Tanah Negara supaya satu dasar pertukaran syarat dari tanah pertanian kepada tanah bangunan dibentuk agar terdapat banyak tanah untuk perumahan bagi meringankan kekurangan rumah di dalam negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak bercadang untuk membawa ke Majlis Tanah Negara hal mengenai pertukaran syarat dari tanah pertanian kepada bangunan oleh kerana adalah didapati bahawa kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai dalam usaha penukaran syarat bagi pertanian kepada syarat perumahan seperti yang berjalan sekarang.

GRADUAN ITM—TAWARAN JAWATAN

2. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan menawarkan jawatan kepada semua graduan ITM atau dari lain-lain tempat pengajian tinggi sama ada dalam atau luar negeri selepas tamat pengajian mereka.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, penawaran jawatan kepada sesiapa sahaja pemohon yang berkelayakan dan sesuai adalah dibuat oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan atau Badan-badan Berkanun yang berkenaan yang mempunyai kuasa. Perlaksanaannya adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Sementara itu bilangan jawatan yang ditawarkan kepada pemohon-pemohon itu adalah mengikut keperluan Kerajaan pada sesuatu ketika, yang mana adalah tertakluk kepada:

- (i) Bilangan kekosongan jawatan;
- (ii) Kesesuaian pemohon untuk mengisi jawatan.

Pada kebiasaannya Kerajaan tidaklah dapat menawarkan jawatan kepada semua yang memohon. Berhubung dengan ini kedudukan graduan ITM atau graduan dari lain-lain institusi pengajian tinggi adalah sama sahaja dengan pemohon-pemohon lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 3.

HOSPITAL BESAR IPOH—
PESAKIT MATI

3. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S. O. 23*) (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dua orang pesakit di Hospital Besar Ipoh yang baru dibina itu telah mati akibat jatuh dari tingkat-tingkat tinggi Hospital tersebut, jika sedar, nyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengelakkan kejadian seperti itu berlaku lagi.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai adanya 2 kes yang melibatkan pesakit-pesakit telah jatuh dari tingkat-tingkat tinggi Hospital Besar Ipoh baru-baru ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Hospital ini merupakan salah sebuah dari hospital yang terbaru dan yang terbaik di negara ini di mana kita perlu membina bangunan yang tinggi bagi membolehkan ia mendapatkan sebanyak 757 buah katil. Disebabkan oleh kekurangan tanah tidaklah mungkin lagi kita membina hospital-hospital mengikut cara yang lama yang tersebar luas di beberapa ekar kawasan tanah dan juga yang tidak dapat dikendalikan dengan cekap. Kita tidak mungkin sentiasa dapat mencegah mereka yang ingin membunuh diri dari melompat daripada bangunan yang tinggi seperti ini.

Hospital ini adalah sebuah tempat awam yang perlu dibuka setiap masa untuk memberi kemudahan kepada pesakit-pesakit dan para pelawat. Walaupun sekiranya, dengan izin, kawasan corridors hospital ini dibunuh halangan ianya tidak dapat mencegah mereka yang ingin melompat dari mencari berbagai jalan dan cara untuk berbuat demikian. Penutupan sepenuhnya corridors ini juga akan membahayakan sekiranya sesuatu kebakaran berlaku.

Kementerian Kesihatan telah pun mengarahkan semua pihak yang berkuasa di hospital yang mempunyai bangunan-bangunan tinggi seperti ini untuk mengambil segala langkah keselamatan yang perlu bagi mengurangkan bahaya kemungkinan kejadian yang tidak diinginkan ini dari berlaku. Para kakitangan telah pun diminta memerhatikan segala gerak geri pesakit dan pelawat-pelawat yang mencurigakan.

Sungguhpun demikian, Kementerian ini sedang mengkaji dengan lebih lanjut lagi rekaan bangunan hospital di Ipoh bagi menguji sama ada apa-apa perubahan boleh dibuat dalam peringkat ini sekarang.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab kejadian di Hospital Besar Ipoh telah 2 kali dan menyebabkan kematian 2 orang pesakit, adakah benar kematian ini adalah

disebabkan penjagaan keselamatan tidak lengkap atau adakah benar penunggu hospital telah meragut nyawa 2 orang pesakit tersebut?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Dalam 2 kes yang berkenaan ini pesakit-pesakit telah melompat dari corridor yang di hadapan wad itu. Walaupun pintu itu ditutup tetapi dia buka pintu dan melompat juga. Satu kes berlaku pada pukul 2.00 pagi dan satu kes lagi ialah pada pukul 6.00 pagi.

Pada pendapat saya, tidak bolehlah kita hendak menyalahkan jururawat-jururawat dan kakitangan yang bertugas pada waktu itu.

Dato Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat tahu berkenaan dengan pesakit-pesakit jatuh dari Hospital Ipoh. Walaupun barangkali dalam jawapan Yang Berhormat Menteri benda ini boleh dikatakan sebagai melepaskan tanggungjawab, tetapi saya ingin mendapat penjelasan iaitu disebabkan kemalangan jiwa yang berlaku dan barangkali pesakit-pesakit itu ada mempunyai tanggungan dan saraan, adakah pihak Kementerian telah membuat persediaan ataupun bercadang hendak mengadakan insurans kepada pesakit-pesakit bila mana pesakit-pesakit mendapat kemalangan yang tidak dikehendaki itu maka ganjaran dapat diberi kepada pesakit-pesakit sebagai gantirugi dan sebagainya?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, soal insurans untuk pesakit-pesakit mungkin tidak timbul oleh kerana apabila pesakit datang untuk mendapatkan rawatan di hospital ini mereka diberi kemudahan-kemudahan di mana yang boleh dan di dalam dua kes inipun, dari latar belakang laporan yang saya terima, keduanya sudah naik hysteria larut malam. Walaupun pintu itu ditutup—seperti mana yang saya telah katakan, mereka juga melompat dari corridor terbuka. Sekarang ini saya sedang mengkaji dengan akitek-akitek yang berkenaan dari JKR sama ada kita perlu meninggikan lagi bumbung supaya jika mereka hendak melompat pun agak sukar sedikit tetapi ini menelan perbelanjaan yang tinggi dan perkara ini sedang diteliti.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

4. **Tuan Yap Peng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan untuk memberi pelepasan cukai pendapatan tambahan (personal tax relief) memandangkan pada keadaan inflasi yang semakin melambung tinggi sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun menaikkan pelepasan cukai persendirian dari \$2,000 kepada \$5,000 dalam Belanjawan 1980 di samping mengekalkan ribet cukai sebanyak \$60.00 untuk perseorangan dan \$30.00 untuk isteri. Memandangkan kenaikan ini baru sahaja dibuat, Kerajaan tidaklah bercadang untuk menambahkan pelepasan cukai itu buat ketika ini. Bagaimanapun Kerajaan akan sentiasa mengawasi kesan keadaan inflasi dan sekiranya didapati wajar, langkah-langkah yang sesuai akan dipertimbangkan.

PERKHIDMATAN LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

5. **Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai Jumaah Haji tidak berasa senang hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji semasa menunaikan fardu Haji dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk membaiki keadaan ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan yang sama maksudnya telah pun diberikan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kelima pada 14hb April, 1980 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat sendiri pada 14hb April, 1979.

Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) telah dan akan terus menjalankan perkhidmatan yang memuaskan. Ini telah diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Haji dan Wakaf Arab Saudi yang menyatakan bahawa perkhidmatan LUTH adalah sebagai yang terbaik sekali di

kalangan Negara-negara Islam yang mengendalikan Jumaah Haji di tanah suci tersebut.

Walau bagaimanapun, LUTH sedang mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada Jumaah Haji. Satu kajian yang menyuluruh ke atas pentadbiran LUTH sedang dijalankan oleh Unit Permodenan Tadbiran Perancangan dan Tenaga Manusia (MAMPU). Berdasarkan perakuan-perakuan kajian tersebut, LUTH akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya perkhidmatannya dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan cekap lagi.

FESTIVAL FILEM NEGARA— BANTUAN

6. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi bantuan dari segi material atau kewangan untuk Festival Filem Negara yang dianjurkan oleh Persatuan Wartawan Hiburan Malaysia, dan jika ada, nyatakan bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian dalam pertandingan Festival Filem Malaysia pada tahun 1980.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Festival Filem Malaysia bagi tahun 1980 telah pun berlalu, jadi soal sama ada Kerajaan bercadang untuk memberikan bantuan atau tidak dari segi material mahupun kewangan tidak timbul lagi. Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan bahawa Festival Filem yang diadakan pada awal tahun ini adalah satu usaha pihak swasta yang dianjurkan oleh Persatuan Wartawan-wartawan Hiburan Malaysia, dan berbagai bentuk bantuan telah pun diberikan oleh berbagai agensi Kerajaan yang berupa sokongan moral, nasihat dan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri di upacara pembukaan dan penutupan Festival. Di samping itu, publisiti yang mencukupi terhadap usaha penganjurnya, iaitu Persatuan Wartawan-wartawan Hiburan Malaysia, telah juga diberikan oleh RTM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah diberitahu bahawa Persatuan itu akan mengadakan Festival

Filem sekali lagi pada bulan April 1981 dan Kerajaan telah menerima beberapa cadangan supaya Kerajaan memberi bantuan tertentu seperti berikut:

- (i) Hadiah berupa wang tunai kepada pemenang di Festival tersebut; dan
- (ii) Bantuan kewangan kepada Persatuan Wartawan Hiburan Malaysia untuk menyelenggarakan Festival.

Kedua-dua cadangan tersebut adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa satu Jawatankuasa yang dikenal sebagai Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional telah pun ditubuhkan pada bulan Julai, 1980 dan Sekretariat kepada Jawatankuasa ini adalah di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Jawatankuasa ini telah diberikan tugas-tugas untuk melaksanakan beberapa perkara yang akan menjadi tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan Festival Filem yang ingin dianjurkan oleh mana-mana pihak.

PADI BASAH—POTONGAN DIKENAKAN

7. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan potongan yang terlalu besar dikenakan atas padi basah yang dijual kepada LPN yang menyebabkan kerugian besar kepada petani-petani; dan
- (b) sama ada LPN akan menambahkan bilangan kompleksnya di Perlis untuk memudahkan para petani menjual padi kepadanya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LPN sentiasa dan akan terus memastikan bahawa hanya potongan yang wajar sahaja dikenakan ke atas padi basah yang dijual kepada LPN iaitu berdasarkan kepada kadar potongan

yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kerugian di pihak petani.

Bagi para petani yang menjual padi mereka kepada pembeli-pembeli yang dilesenkan oleh LPN pula, Bahagian Penguatkuasa LPN akan sentiasa mengawasi dan menjalankan pemeriksaan ke atas kegiatan pembeli-pembeli itu untuk memastikan supaya kadar pemotongan ke atas padi yang dibeli adalah dibuat berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan. Tindakan akan diambil ke atas pembeli-pembeli padi berlesen yang tidak mengikut peraturan.

Mengenai soalan (b), di bawah Rancangan Malaysia Keempat LPN akan menambahkan keupayaan pengilangannya daripada 20% kepada 50% keperluan pengilangan dalam negara. Bagaimanapun penentuan untuk menambah kompleks-kompleks LPN di kawasan ataupun di negeri-negeri tertentu adalah masih dalam kajian.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, keadaan mengambil buah-buah padi di negeri Perlis selalunya terdapat pada musim hujan. Jadi keadaan padi pada masa diambil selalunya basah—yang dihantar ke kilang-kilang. Potongan yang dibuat kadang-kadang mengikut sebagaimana peraturan yang ditetapkan tetapi keadaan-keadaan potongan-potongan itu kadang-kadang mengikut sesuka hati sahaja dibuat oleh pihak LPN. Dengan keadaan itu saya bangkitkan, adakah cara-cara yang dapat mengatasi masalah ini supaya petani-petani tidak teraniaya dalam masalah ini?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, masalah pertama iaitu penjualan padi di musim hujan telah pun dibentuk satu jawatankuasa bersama antara Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Pertanian dengan harapan jalan-jalan dapat diambil untuk cuba mengatasi padi basah di dalam sawah sendiri; iaitu untuk mengurangkan apa yang dipanggil kehilangan di waktu menuai akibat musim hujan. Dan jika petani dapat mengeringkan padinya sedikit ataupun dengan mengeringkan sebelum menjual dengan adanya alat-alat kecil yang boleh digalakkan atau dicari rekabentuk untuk mereka maka bila

dijualkan padi kepada LPN atau pelesen-pelesen LPN maka padi itu kering.

Kedua, tentang ikut suka hati sahaja membuat potongan, saya rasa itu tidaklah benar, bahkan sebaliknya ada juga berlaku di mana petani menjual padi yang banyak isi benda di dalamnya, saya sendiri ada menengok diisikan besi dan sebagainya supaya berat padi itu.

Tuan Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan dari Kementerian yang berkenaan untuk mendirikan sebuah kompleks pengering padi di kawasan Seberang Prai?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi penentuan di mana kompleks LPN didirikan di dalam Rancangan Malaysia Keempat sedang dikaji, kalau ada penyesuaian letak di situ kemungkinan didirikan, tetapi sedang dikaji secara menyeluruh.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan subsidi padi saya harap Yang Berhormat Menteri tolong jawab lagi iaitu nampaknya subsidi ini diberi kepada orang yang menjual padi kepada LPN sahaja tidak seperti subsidi dari RISDA iaitu sesiapa yang mempunyai kebun getah apabila ditebang kebun getah itu ditanam baru dia akan mendapat bantuan lebih dari \$2,000 pada masa sekarang, tetapi subsidi padi kalau sekiranya orang yang menanam padi tidak jual kepada LPN dia tidak dapat subsidi. Sekarang banyak orang menanam padi dia tak jual, dia makan untuk anak-beranaknya, jadi bagaimana hal ini. Tidakkah subsidi ini patut digalakkan kepada semua orang yang menanam padi sama ada dia menjual kepada LPN ataupun tidak maknanya di dalam banciaan di kampungnya itu dia menanam padi maka dengan sebab dia bertanam padi dia berhak mendapat subsidi?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, skim subsidi padi ini ialah skim di atas pemasaran padi, tidaklah atas penanaman padi kerana subsidi petani menyeluruh adalah dibuat dalam berbagai cabang iaitu subsidi baja, subsidi alat pengeluaran dan sebagainya. Jadi ini skim subsidi pemasaran

memanglah siapa yang memasarkan padi sahaja kepada badan-badan atau kepada pihak bertaulah akan dapat menikmatinya.

BANK PERDAGANGAN— PERLETAKAN JAWATAN BUMIPUTERA

8. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar atau tidak:

- (a) bahawa salah sebuah bank perdagangan di negara ini telah menghantar laporan palsu sejak beberapa tahun kepada Bank Negara, di mana di dalam laporan tersebut ada menyatakan terdapat seorang eksekutif kanan Bumiputera di bank itu, tetapi yang sebenarnya tidak ada; dan
- (b) bahawa seramai 200 orang pegawai Bumiputera di bank tersebut meletakkan jawatan sejak tahun 1974 akibat dari tindakan dan tekanan berbagai bentuk yang dikenakan oleh pihak pentadbiran bank itu dan jika benar nyatakan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi perkara sedemikian itu agar tidak berulang lagi di masa hadapan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) berpandukan kepada rekod-rekod Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab mengenai pengawasan bank-bank perdagangan, tidak ada sebuah pun bank-bank perdagangan yang memberi perangkaan palsu mengenai kedudukan kakitangannya kepada Bank Negara. Bank-bank perdagangan telah terbukti sebagai institusi-institusi kewangan yang bertanggungjawab. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 49 Akta Bank bagi pengarah, pengurus, pemegang Amanah, juru-audit, kakitangan atau ejen sesebuah bank yang dengan sengaja membuat, meninggalkan atau meminda rekod-rekod atau dokumen-dokumen bank itu. Mereka yang melakukan kesalahan ini boleh dikenakan denda maksima sebanyak \$50,000 atau

penjara selama 5 tahun atau keduanya sekali. Dalam membuat pemeriksaannya ke atas bank-bank perdagangan, Bank Negara sentiasa menentukan bahawa peruntukan undang-undang adalah dipatuhi, termasuk ketetapan semua laporan-laporan perangkaan yang dihantar oleh mereka.

- (b) Mengenai perletakan jawatan pegawai-pegawai bumiputera, Bank Negara Malaysia telah mengesahkan bahawa kenyataan tersebut di mana 200 orang pegawai bumiputera dalam sebuah bank telah meletakkan jawatan sejak tahun 1974 kerana berbagai bentuk tindasan dan tekanan yang dikenakan oleh pihak pengurusan bank itu adalah tidak benar. Perletakan jawatan pegawai-pegawai bumiputera dari bank-bank perdagangan kerap kali berlaku memandangkan kekurangan pegawai-pegawai bumiputera yang berkelayakan dan berpengalaman dalam perusahaan bank. Walau bagaimanapun, kebanyakan dari perletakan jawatan itu adalah disebabkan oleh prospek yang lebih baik di tempat lain. Untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan ini, bank-bank perdagangan telah digesa supaya memberi latihan kepada kakitangan mereka, terutama kakitangan bumiputeranya, dan mengeluarkan lebih banyak biasiswa kepada kaum bumiputera di peringkat menengah dan pelajaran tinggi. Di samping itu juga, kakitangan-kakitangan bank bumiputera adalah dinasihatkan supaya jangan melompat-melompat dari satu bank kepada yang lain kerana ini akan menjejaskan kemajuan kerjaya dan kepakarannya dalam sektor bank.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada kakitangan City Bank di Pulau Pinang yang terdiri dari bumiputera yang telah berkhidmat sebagai cashier hampir 10 tahun lebih tidak diberi perhatian langsung, bahkan baru-baru ini saya

mendapat tahu bahawa dia akan ditukarkan kepada satu jawatan lain yang tidak berkenaan dan lebih rendah kedudukannya? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar?

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya baru sedar sebentar tadi apabila Yang Berhormat Senator telah memberitahu kepada saya secara ringkas, tetapi saya ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut dalam perkara ini supaya penyiasatan dan tindakan yang sewajarnya akan dapat dilakukan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan, saya ada satu keratan akhbar mengatakan bank kena tipu lebih \$263,000 oleh pegawai bank yang mempunyai 6 akaun simpanan. Saya suka bertanya kepada beliau bagaimanakah akauntan dalam bank di Malaysia ini bekerja sehingga sebuah bank macam ini kena tipu \$263,400 selama setahun lalu. Adakah ini berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh beliau tadi salah satu sebabnya banyak pegawai Melayu berhenti kerana tidak berkelayakan atau apakah ada kaitannya sampai terjadi penipuan bank sebanyak \$263,400?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Kalau ini tidak berkaitan, saya hendak ikutkan dalam soalan asal sebab saya berpendapat dalam soal ini juga begitu umum tidak menyebut bank mana yang membuang pekerja bumiputera. Sebab itu saya bangkitkan dan saya sebutkan kes sebuah bank kena tipu. Walau bagaimanapun, saya hendak bertanya yang bersangkutan dengan bank adakah banyak berlaku dalam negara kita ini menipu bank seperti yang tersebut.

Kedua, sebagaimana yang diterangkan oleh beliau tadi bahawa pegawai bumiputera banyak yang berhenti, dan dalam hal ini saya amat terkejut sedangkan dasar Kerajaan kita hendak bumiputera ada dalam semua lapangan, terutama dalam bank mustahak bumiputera ada di dalamnya. Mengapa sampai berhenti beramai-ramai macam ini tidak disiasat dan perlu kita

mendapat satu titik penentuan sebab musabab terjadi demikian.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan sama ada berlaku penipuan di dalam bank, saya percaya bahawa masalah ini adalah satu masalah yang seringkali berlaku di mana-mana negara di dunia, sehinggalah kalau kita masih ingat bahawa dalam satu kes di Switzerland ada kes penipuan yang melibatkan kehilangan bukan sahaja beratus ribu ringgit tetapi berjuta ringgit wang Switzerland ada kes penipuan yang dapat menghapuskan penipuan itu selagi sikap profesionalnya itu tidak dapat ditingkatkan lagi dan kepakaran kakitangan dan pegawai tidak dapat ditingkatkan supaya mengelakkan sebarang kelakuan penipuan yang dapat dilakukan oleh pihak kakitangan bank.

Berhubung dengan perletakan jawatan kakitangan bank daripada kaum bumiputera, sukalah saya menyatakan bahawa di dalam jawapan saya, saya memberitahu bahawa tidaklah benar bahawa ada 200 pegawai bumiputera daripada sebuah bank telah meletakkan jawatan semenjak tahun 1974. Sebenarnya, dari penyiasatan Bank Negara sebanyak 150 kakitangan dan pegawai yang telah meletakkan jawatan mereka dalam sebuah bank semenjak tahun 1974 dan bilangan pegawai yang terlibat ialah sebanyak 40 orang dan pegawai itupun meletakkan jawatan disebabkan oleh kerana keadaan yang boleh memberikan prospek yang lebih baik di tempat yang lain.

Pada keseluruhannya bank-bank menghadapi masalah kekurangan pegawai yang terlatih, bukan sahaja pegawai bumiputera, tetapi pegawai pada umumnya dan untuk mengatasi masalah ini bank-bank telah digesa untuk menjalankan skim latihan mereka iaitu seperti mana saya katakan melalui pemberian scholarship ataupun biasiswa dan juga mengadakan internal training programme masing-masing dan bank-bank tersebut juga tidak digalakkan untuk mencari kakitangan ataupun pegawai daripada bank yang lain untuk mengisi kekosongan sesebuah bank tersebut. Masalah kekurangan pegawai bumiputera memanglah

satu masalah yang berlaku dan, walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan sedang mengawasi dan mengawal keadaan ini dari semasa ke semasa.

KESULITAN DIALAMI OLEH PENDUDUK KAMPUNG SUNGAI PENCHALA

9. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelamatkan tanah-tanah dan rumah-rumah serta kebun-kebun orang-orang Melayu di Kampung Sungai Penchala daripada ditenggelami oleh air akibat dari projek perumahan Taman Tun Dr. Ismail.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang kesulitan yang dialami oleh penduduk-penduduk di kawasan Kampung Sungai Penchala apabila berlaku banjir. Banjir di Kampung berlaku disebabkan longkang besar (main drain) yang dibina oleh pemaju Taman Tun Dr. Ismail di bahagian hilir (down stream) adalah lebih tinggi dari bahagian hulu. Keadaan ini menyebabkan air longkang besar itu akan melemah jika berlaku hujan. Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telah pun mengarahkan Pemaju yang berkenaan di Taman Tun Dr. Ismail supaya merendahkan bahagian hilir longkang besar tersebut sebanyak 4½ kaki. Adalah diharapkan keadaan banjir tidak akan berlaku lagi ataupun berkurangan apabila pemaju Taman Tun Dr. Ismail siap melaksanakan kerja-kerja tersebut tidak berapa lama lagi.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal banjir di Kampung Sungai Penchala ini telah melibatkan lebih kurang satu tahun, dan tanah-tanah kepunyaan orang Melayu di situ telah tenggelam dan sekarang pokok-pokok getah, tanaman, rumah telah musnah oleh air dan pokok-pokok yang telah mati. Oleh itu, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah pihak Kerajaan atau pihak pemaju Taman Tun Dr. Ismail ini akan memberi gantirugi kepada tuan-tuan punya tanah di Sungai Penchala itu.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berlakunya kerugian oleh sebab berlaku banjir di kawasan Kampung Sungai Penchala itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi oleh sebab air melepiah dari kawasan Taman Tun Dr. Ismail yang kerja-kerjanya yang telah dijalankan di Taman Tun Dr. Ismail itu tidak begitu baik. Oleh sebab itu, maka kawasan di Kampung Sungai Penchala itu dilanda banjir. Jadi kalau ada apa-apa gantirugi maka ini tentulah perkara yang mesti dipertimbangkan oleh pihak berkuasa Taman itu dan bukan Kerajaan.

DASAR PERTANIAN NEGARA

10. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pertanian menjelaskan sama ada penggubalan dasar pertanian negara oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai dasar pertanian telah selesai dan nyatakan dasar-dasar itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, penggubalan dasar pertanian negara masih di dalam perbincangan dan pertimbangan oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah dibentuk untuk menjalankan tugas-tugas berkenaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab soal pertanian ini adalah satu perkara yang paling penting dalam negara kita ini, kalau pertanian tidak menjamin cukup makan bagi rakyatnya tentulah kemakmuran kita di awang-awangan. Jadi saya suka bertanya bilakah agaknya Jawatankuasa Kabinet ini boleh dapat menyelesaikan berkenaan dasar pertanian negara kita ini?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, draf laporan telah disediakan dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kabinet tidak berapa lama lagi.

HOSPITAL DAERAH BALIK PULAU— KEKURANGAN DOKTOR

11. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Balik Pulau

kekurangan doktor dan jika ya, sama ada beliau akan menghantar lebih ramai doktor untuk berkhidmat di hospital ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dari empat jawatan doktor bagi Hospital Daerah Balik Pulau, dua jawatan sahaja yang telah diisikan sekarang dan saya telahpun melawat hospital ini baru-baru ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita sekarang sedang menghadapi kekurangan doktor keseluruhannya di negara ini. Sebaik-baik sahaja lebih ramai lagi bilangan doktor ini dapat diadakan, maka kita akan mengisi kekosongan-kekosongan ini dengan seberapa samarata yang boleh ke seluruh negara.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sampai bilakah akan dapat diisikan doktor-doktor yang cukup di hospital-hospital ini bukan sahaja di daerah Balik Pulau bahkan di beberapa hospital di Malaysia ini, sedangkan pesakit-pesakit makin ramai, jadi sampai bilakah masanya dapat diisikan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman saya menghadiri beberapa persidangan antarabangsa mengenai kesihatan, tidak ada satu Menteri Kesihatan yang boleh memberi satu jaminan bahawa dalam negara beliau ada mencukupi doktor-doktor. Walaupun satu negara yang paling maju misalnya Amerika Syarikat pun menghadapi satu krisis dan jika Ahli Yang Berhormat sedia maklum baru-baru ini sahaja dalam Majallah *Economist* ada satu tajuk yang mengatakan krisis dalam perawatan dalam negara-negara yang kian maju dan saya tidak bolehlah memberi satu jaminan bahawa negara ini tidak menghadapi masalah ini dalam masa akan datang oleh kerana makin kita ada kemajuan makin bertambah lebih ramai pesakit yang menghendaki rawatan yang moden dan walaupun sekarang ini kita mengadakan rancangan-rancangan supaya melipatgandakan bilangan doktor-doktor dengan adanya fakulti-fakulti baru, saya tidak boleh memberi satu jaminan bahawa kita boleh mengatasi masalah ini dalam masa akan datang.

FIRE HYDRANT—PEMERIKSAAN

12. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada semua 'Fire Hydrant' selalu diperiksa dan diselenggarakan supaya sentiasa dalam keadaan yang sempurna dan dapat digunakan pada sebarang waktu yang diperlukan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman) Tuan Yang di-Pertua, pili-pili Bomba adalah selalu diperiksa supaya sentiasa dalam keadaan yang sempurna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala kerosakan pili-pili bomba dilaporkan kepada Jabatan Kerja Air untuk dibaiki oleh kerana pihak Jabatan Kerja Air adalah bertanggungjawab untuk membina dan menyelenggarakan pili-pili bomba tersebut.

Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan Jabatan Bomba melancarkan satu kempen menyeluruh di seluruh Semenanjung Malaysia memeriksa dan menguji semua pili-pili bomba yang ada bermula pada pertengahan bulan Disember, 1980 ini dan semua laporan mengenai pili-pili ini akan dikemukakan dalam tempoh dua bulan. Kempen ini akan dilancarkan oleh Jabatan Bomba bersama dengan Jabatan Kerja Raya dan juga Lembaga Air Negeri.

Jabatan Bomba sekarang sedang menyediakan kertas kerja mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan tersebut. Yang Berhormat Menteri telah melantik satu Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri untuk mengkaji masalah-masalah itu dan mengambil tindakan yang sewajar bagi mengatasinya.

GURU TERLATIH DI SEKOLAH TAMIL

13. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pihak Kementerian mengambil perhatian untuk memperbaiki taraf pengajaran oleh guru-guru di Sekolah-sekolah Tamil dan apakah kursus-kursus khas yang dirancang bagi guru-guru ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang mengambil perhatian untuk memperbaiki taraf pengajaran oleh guru-guru di Sekolah-sekolah Tamil.

Dalam usaha menambah bilangan guru terlatih di Sekolah-sekolah Rendah Tamil bilangan guru pelatih yang diambil berkursus sepenuh masa di maktab perguruan untuk mendapat sijil guru dalam bidang Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak (Tamil) telah ditambah dari 69 pada tahun 1979 kepada 105 bagi tahun 1980. Bagi Tahun 1981 pula adalah dirancang untuk mengambil 120 orang pelatih. Guru-guru ini, apabila mereka tamat latihan, adalah merupakan guru-guru yang terlatih penuh untuk mengajar Bahasa Tamil dan matapelajaran am yang lain dengan menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Untuk meningkatkan lagi mutu latihan perguruan bagi guru-guru Sekolah Tamil, Kementerian Pelajaran bercadang hendak menambah sebanyak lebih 50% lagi waktu latihan bagi Pengajian Tamil di maktab perguruan.

Kementerian Pelajaran juga telah mengadakan rancangan khas untuk memberi latihan perguruan kepada guru sandaran yang memiliki kelayakan-kelayakan yang diperlukan melalui kursus dalam perkhidmatan. Di bawah rancangan ini guru-guru sandaran diberi latihan perguruan semasa cuti sekolah selama 3 tahun. Pengambilan terakhir bagi kursus ini ialah pada tahun 1979 dan kumpulan terakhir ini akan tamat latihan pada bulan Disember tahun 1981. Dengan berakhirnya rancangan ini seramai 1,059 orang guru sandaran di Sekolah Tamil akan diberi latihan perguruan melalui kursus dalam masa cuti.

Bagi guru-guru terlatih yang berkhidmat di Sekolah-sekolah Tamil, peluang untuk mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan adalah terbuka kepada mereka seperti juga pada guru-guru lain.

KAMPUCHEA—PENYELESAIAN POLITIK

14. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang

akan dimainkan oleh Malaysia untuk membawa Vietnam dan Russia ke Persidangan Antarabangsa tahun hadapan.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memberi jawapan bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Resolusi Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu No. 35/22 mengenai masalah Kampuchea telah diluluskan dengan suara terbanyak. Resolusi tersebut menegaskan betapa pentingnya segera tercapai suatu penyelesaian politik bagi masalah Kampuchea dengan mengendalikan usaha-usaha lain, seperti berikut:

- (i) pengunduran sepenuhnya tentera-tentera asing dari wilayah Kampuchea;
- (ii) mengadakan pilihanraya bebas di bawah pengawasan Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu;
- (iii) menjamin tidak berulang wujudnya tentera asing di Kampuchea; dan
- (iv) menjamin bahawa Kampuchea tidak akan mengancam negara-negara jiran. Dalam Resolusi tersebut, cara-cara mencapainya tujuan-tujuan di atas ialah dengan mengadakan suatu Persidangan Antarabangsa pada awal tahun 1981 di bawah kelolaan Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Ringkasnya Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu diamanahkan bertanggungjawab dalam usaha menyediakan Persidangan Antarabangsa yang dikehendaki oleh Resolusi 35/22 itu. Negara-negara ASEAN berpendapat bahawa adalah penting bukan sahaja Vietnam dan Soviet Union, bahkan semua pihak yang terlibat dalam pertikaian di Kampuchea, bersama-sama menghadiri persidangan tersebut untuk menjamin suatu penyelesaian yang berkekalan demi untuk keamanan dan kestabilan di rantau ini. Dalam konteks ini, Malaysia bersama-sama dengan negara ASEAN yang akan membuat segala usaha untuk menggesa pihak Soviet Union dan Vietnam supaya memberi kerjasama mereka

untuk mencapai penyelesaian politik di Kampuchea itu berdasarkan pada Resolusi Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu No. 35/22.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab soal Vietnam dan Russia hari ini sedang hangat diperbincangkan di kalangan negara-negara ASEAN, saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah diplomat kita ataupun Kementerian Luar Negeri kita sudah berunding semeja dengan pihak Russia atau agen Russia di dalam negeri ini? Yang saya tahu dengan Vietnam berapa kali sudah dibuat. Kalau ada dibuat perhubungan dengan diplomat Russia dalam negeri ini, apakah di antara tolak ansur Russia bersabit dengan Vietnam bagi keamanan kita di ASEAN ini yang telah dapat dibuat oleh Kementerian Luar Negeri?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat tentang perkara yang ditanya oleh Yang Berhormat itu. Saya akan rujukkan perkara ini kepada Wisma Putra dan kalau ada jawapannya, saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat.

ASRAMA MURID-MURID SEKOLAH DI LUAR BANDAR

15. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerannya ada rancangan untuk mendirikan asrama bagi murid-murid sekolah rendah memandangkan ada kawasan-kawasan pendalaman yang terlalu jauh untuk dihubungi melalui jalan darat dan terlalu kecil bilangan murid untuk didirikan sekolah di tempat itu.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang ada perancangan untuk mendirikan asrama bagi murid-murid sekolah rendah terutama sekolah-sekolah rendah yang terletak di luar bandar. Langkah membina asrama-asrama pusat bagi sekolah-sekolah rendah adalah satu strategi baru Kementerian Pelajaran kerana sebelum ini asrama-asrama seumpama itu hanya dibina untuk sekolah-sekolah menengah sahaja. Di samping itu, seperti yang telah dilaksanakan dalam

Rancangan Malaysia Ketiga rancangan pembinaan asrama-asrama bagi murid-murid sekolah rendah khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar termasuk kawasan pendalaman yang terpencil, akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keempat dengan lebih giat lagi.

ASEAN COUNCIL OF PETROLEUM (ASCOPE)—KEANGGOTAAN BRUNEI

16. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang membawa Negeri Brunei, sebuah Negara pengeluar Minyak dan Gas di rantau ini untuk menganggotai Asean Council of Petroleum (ASCOPE).

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Petroleum ASEAN (ASCOPE) merupakan satu pertubuhan bukan Kerajaan (non-Governmental) di mana keanggotaannya adalah terhad kepada kelima-kelima negara anggota ASEAN. Soal keahlian Brunei di dalam ASCOPE tidak timbul kerana Brunei belum lagi menjadi anggota ASEAN. Walau bagaimanapun, kita akan menyambut baik sekiranya Brunei ingin menjadi anggota ASEAN selepas ianya mencapai kemerdekaan. Soal keahlian Brunei dalam ASCOPE atau badan-badan ASEAN yang lain selepas itu tidak akan menimbulkan apa-apa masalah pun sekiranya negara itu hendak menjadi ahli.

KEPUTUSAN KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA

17. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang diambil untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam Kongres Ekonomi Bumiputera tahun 1980.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan semasa menjawab soalan No. 10 dari Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Ishak pada 16hb Disember, 1980 Kerajaan telah mengambil kira semua pandangan-pandangan termasuk juga keputusan-keputusan yang diambil oleh Kongres Ekonomi Bumiputera tahun 1980

dalam merangka Rancangan Malaysia Keempat. Untuk mengetahuinya, dengan lebih lanjut Ahli Yang Berhormat itu diminta bersabar sehingga Rancangan Malaysia Keempat dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini pada awal tahun depan.

LADANG DI WILAYAH PERSEKUTUAN—PENGAMBILAN ALIH

18. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) nama dan luas ekar ladang-ladang di Wilayah Persekutuan yang telah diambil oleh Kerajaan;
- (b) jumlah pekerja-pekerja di tiap-tiap satu ladang; dan
- (c) apakah rancangan yang telah disediakan untuk pekerja-pekerja di ladang-ladang ini untuk memiliki rumah-rumah kos rendah dan jangka masa rancangan ini akan disiapkan.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada:

- (a) Nama dan luas ekar ladang-ladang di Wilayah Persekutuan yang telah diambil alih oleh Kerajaan ialah:

(i) Ladang Bukit Kiara	..	1,443 ekar
(ii) Ladang Hawthornden	..	1,441 ekar
(iii) Ladang Bukit Jalil	..	1,261 ekar

- (b) Jumlah pekerja-pekerja di tiap-tiap satu ladang ialah:

(i) Ladang Bukit Kiara	..	96 pekerja
(ii) Ladang Hawthornden	..	164 pekerja
(iii) Ladang Bukit Jalil	..	108 pekerja

- (a) Bagi Ladang Bukit Kiara sebanyak 100 unit rumah panjang sedang dibina dan dijangka siap pada bulan April, 1981 untuk menempatkan pekerja-pekerja estet Bukit Kiara. Di ladang Hawthornden dan Bukit Jalil pula pada masa sekarang perancangan Pembangunan kawasan sedang dibuat, Pelaksanaan projek-projek Pembangunan Kerajaan yang melibatkan pekerja-pekerja estet di kawasan berkenaan dijangka dilaksanakan dalam jangka

waktu Rancangan Malaysia Keempat. Apabila sampai waktu untuk kawasan-kawasan dibangunkan maka perumahan untuk pekerja-pekerja estet akan ditimbang. Sementara itu pekerja-pekerja estet dibenarkan terus tinggal seperti sekarang.

PENDATANG HARAM VIETNAM

19. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan semenjak jaminan Perdana Menteri Vietnam, berapa ramaikah pendatang-pendatang haram dari Vietnam masih lagi menghanyutkan diri ke Malaysia; dan mengapakah Kerajaan membenarkan pendatang-pendatang haram itu tinggal di Malaysia sementara menunggu untuk dipindahhkan ke negara ketiga dan tidak dihantar balik ke Vietnam.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, dalam Persidangan Geneva Kedua pada bulan Julai, 1979 melalui perwakilannya Vietnam telah memberi jaminan untuk bekerjasama menyekat rakyatnya keluar daripada Vietnam. Sungguhpun begitu ramai rakyatnya dapat melepaskan diri dan keluar melalui laut dan lebih kurang seramai 21,221 orang telah berjaya mendapat di negara ini selepas tarikh persidangan itu. Oleh kerana mereka menunjukkan hasrat ingin pergi ke negara ketiga terutamanya ke Amerika Syarikat dan negara-negara ketiga juga telah memberikan jaminan untuk mengambil mereka, maka kita telah menempatkan mereka secara sementara di negara ini sehingga usaha-usaha dibuat untuk memindahkan mereka. Di atas rasa peri kemanusiaan juga kita tidak menghantar mereka balik semula ke Vietnam kecuali kepada mereka yang menunjukkan keinginan hendak balik.

Jumlah pendatang haram Vietnam yang dihantar balik ke Vietnam setakat ini hanya 3 orang sahaja. Sehingga pukul 12.00 malam tadi jumlah pendatang haram yang masih ada di Malaysia ialah 12,093 orang.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Bukankah pada masa sekarang ini

ada persetujuan yang telah dibuat di antara Amerika dan Vietnam iaitu mana-mana orang Vietnam yang hendak berpindah ke Amerika boleh berpindah terus, tidak payah menghanyutkan diri ataupun keluar dengan sembunyi sebagaimana masa yang lepas. Jadi sekarang ini masih ada lagi dan pada masa yang akan datang kalaulah perkara ini tidak disekat barangkali kita tidak tahu sehingga beberapa lama orang-orang Vietnam itu akan keluar daripada Vietnam, akan menuju ke negara kita dan ke negara lain. Itulah saya hendak bertanya, macam mana selepas daripada Persidangan Geneva, selepas daripada Perdana Menteri memberi akuan sendiri dan selepas ada jaminan daripada Amerika yang membuat hubungan terus, masih lagi kita berlembut terhadap perkara ini. Tidakkah patut setelah ada kedua-dua jaminan yang tersebut tadi, apakala ada orang Vietnam keluar dengan bersembunyi, kita hantar mereka balik. Ini sebagai memberitahu mereka itu yang perbuatan mereka itu tidak boleh dilanjutkan lagi. Pada masa akan datang mereka itu boleh keluar daripada Vietnam dengan cara yang berperlembagaan sahaja.

Tuan Sanusi bin Junid: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bukanlah semua orang-orang yang datang daripada Vietnam telah dibenarkan masuk. Malah dari tahun 1975 hingga 1979 mereka yang masuk berjumlah 103,054 orang dan yang telah dibantu keluar berjumlah 51,422 orang. Yang Berhormat juga tahu bahawa apabila mereka sudah datang ke perairan kita, keadaan bot mereka sudah begitu mendadak dan yang boleh kita bantu keluar, kita bantu keluar tetapi yang kita tidak bantu keluar yang sudah mendarat kita terpaksa beri perlindungan. Kita tidak dapat memberitahu kepada mereka supaya jangan keluar dan Kerajaan Vietnam juga tidak dapat memastikan bahawa kawalannya itu tidak dapat ditembusi. Tetapi yang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat buat ialah apabila mereka mendarat kita tangkap dan selepas itu kita usahakan supaya mereka keluar.

Jumlah 12,093 orang yang tinggal dalam negara ini sekarang ialah jumlah yang paling kecil dan jumlah ini sentiasa berkurangan dan

kita lihat jumlah pendatang bertambah kurang dengan adanya persidangan dan pengambilan keluar juga bertambah laju dan masalah ini boleh selesai tetapi kita tetap tidak dapat memastikan orang Vietnam sendiri tidak dapat menembusi sekatan di negara mereka untuk mereka datang ke sini.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Adakah jumlah 12,000 yang ada di Pulau Bidong itu merupakan jumlah yang ada di negeri ini. Saya dengar ada yang mengatakan bilangan ini adalah bilangan yang tidak hendak diterima oleh negara yang ketiga dan mereka ini akan kekal di situ sehingga entah apa akan jadi kepada mereka. Maknanya mana-mana mereka yang telah diterima oleh negara ketiga semuanya sudah pergi, yang mana tinggal 12,000 lagi itu ialah saki baki yang tidak akan diterima oleh negara yang ketiga dan apakah nasib orang 12,000 ini. Adakah akan ditinggalkan di negara kita dengan keadaan begitu selamalamanya atau akan dihantar balik ke Vietnam?

Tuan Sanusi bin Junid: Ada yang tidak diterima tetapi bukanlah tidak diterima sampai bila-bila. Ada yang tidak diterima kerana sakit dan mereka ini sedang kita ubati dan ada pula perubahan fikiran di kalangan negara ketiga sehingga yang sakit ini pun ada yang diterima untuk diubati di luar tetapi kita tidak dapat mengelakkan dari ada berpuluh-puluh orang yang mungkin tidak ada negara yang akan menerima. Bagi orang-orang yang hanya sedikit dengan kemampuan yang terbatas, dengan umur yang lanjut, masa akan menyelesaikan masalah ini.

Puan Hajjah Salmah bin Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan daripada soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya juga ingin tahu seberapa ringkas sampai berapa lamakah timbangrasa kita kepada pendatang-pendatang haram ini sedangkan tanggungjawab kita kepada masyarakat kita sendiri lebih berat lagi?

Tuan Sanusi bin Junid: Sebagai yang menganut Agama Islam kita mengetahui bahawa jika anjing di dalam dahaga sekalipun, jika kita bantu, mungkin itu akan menambah pahala kita apabila keputusan

nanti dibuat di Padang Mahsyar. Orang-orang Vietnam adalah orang-orang yang dalam penderitaan dan mereka bukan anjing dan sudah tentu sebagai umat Islam timbangrasa kita terhadap mereka perlu ada.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Terima kasih. Saya tidaklah pergi ke situ. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat, saya faham Islam patut menolong kepada sesiapa juga tetapi saya ingin tahu sampai berapa lamakah? Jadi terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat itu, cuma yang saya ingin tahu tadi sampai berapa lama masanya.

Tuan Sanusi bin Junid: Sampailah tiada lagi orang Vietnam yang ingin hanyut ke mari.

MARA—PINJAMAN TANPA CAGARAN

20. **Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada pinjaman MARA tanpa bercagar di bawah \$50,000 yang diumumkan itu termasuk Negeri Sabah dan Sarawak.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan pinjaman tanpa cagaran yang dilaksanakan oleh MARA di bawah rancangan pinjaman khas adalah untuk tidak melebihi \$2,000 satu-satu pinjaman untuk peniaga dan pengusaha kecil. Had pinjaman biasa dan pinjaman rancangan Usahawan Baru adalah setakat \$50,000 dengan memerlukan cagaran dan semua rancangan pinjaman MARA adalah meliputi negeri Sabah dan negeri Sarawak.

BAS EKSPRESS MARA—KEMALANGAN

21. **Tuan K. Kumaran** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan bas Ekspres MARA yang telah mengalami kemalangan di jalan raya semenjak tahun 1979;
- (b) sama ada kemalangan ini berlaku akibat kesalahan mekanikal atau kesalahan manusia atau sebab-sebab lain;

- (c) bilangan nyawa yang terkorban akibat kemalangan-kemalangan ini; dan
- (d) tindakan-tindakan yang diambil untuk mengelakkan kemalangan seperti ini berlaku lagi.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), bilangan bas ekspres MARA yang mengalami kemalangan semenjak tahun 1979 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan bas</i>
1979	61
1980 (hingga bulan November) ..	60

Kemalangan-kemalangan ini berlaku adalah atas beberapa sebab seperti kerosakan mekanikal, perkara yang tidak dapat dielakkan seperti terkena batu, terbakar dan sebagainya. Ketiga, kesilapan manusia.

Bilangan nyawa yang terkorban akibat daripada kemalangan-kemalangan itu ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan terkorban</i>
1979	9 orang
1980 (hingga bulan November)	9 orang

Untuk mengelakkan kemalangan seperti ini berlaku tindakan-tindakan berikut telah diambil:

- (a) menjalankan pemilihan pemandu dengan lebih teliti;
- (b) memberi latihan secukupnya sebelum pemandu menjalankan tugas-tugasnya;
- (c) membuat pemeriksaan yang teliti ke atas bas-bas sebelum perjalanan dimulakan; dan juga
- (d) mengambil tindakan yang lebih tegas ke atas pemandu-pemandu yang cuai dan lalai.

LEMBAGA GULA NEGARA— PENUBUHAN

22. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan Lembaga Gula Negara (LGN) untuk menanam tebu bagi menampung kekurangan gula di negara ini kerana didapati banyak tanah-tanah di negeri Perlis dan Kedah yang sesuai bagi tanaman tebu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang menubuhkan satu Lembaga Gula Negara.

KAWALAN HARGA RUMAH

23. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah untuk (a) menyekat pemaju-pemaju perumahan swasta dari menaikkan harga-harga rumah yang dibina terlampau tinggi; dan (b) untuk menentukan bahawa 30% dari rumah-rumah yang dibina itu diuntukkan kepada Bumiputera.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan Yang Berhormat mengenai kawalan harga-harga rumah, pendirian Kementerian saya telah dijelaskan di dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu. Oleh itu, tidak perlu saya ulangi jawapan tersebut.

Mengenai soalan yang kedua pula yang berkaitan dengan peruntukan 30% unit-unit rumah diuntukkan kepada Bumiputera, secara amnya Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengenakan syarat ini kepada pemaju-pemaju perumahan swasta, oleh itu pemaju-pemaju swasta perlulah mematuhi syarat-syarat tersebut. Selain daripada mengenakan syarat ini, apabila meluluskan permohonan-permohonan ubah syarat/pecah sempadan daripada mereka, Kerajaan-kerajaan Negeri ada pula menetapkan procedure untuk diikuti bagi memastikan pencapaian yang tersebut di atas. Ada Kerajaan-kerajaan Negeri menetapkan bahawa unit-unit rumah yang diperuntukkan kepada Bumiputera dikendalikan oleh Kerajaan Negeri itu sendiri melalui agensi-agensinya misalnya Perbadanan Kemajuan Negeri. Ada terdapat juga peraturan-peraturan tambahan yang lain misalnya pemaju-pemaju perumahan hendaklah mengiklankan kemajuan perumahan mereka seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan memberi laporan-laporan yang berkaitan kepada agensi-agensinya Kerajaan Negeri tersebut.

Secara keseluruhannya Kerajaan-kerajaan Negeri ada mengambil tindakan 'follow up'

mengenai perkara-perkara ini. Kementerian saya sedang mengkaji perkara ini dan oleh kerana hal ini adalah satu perkara besar oleh itu penyelesaian-penyelesaian kepada masalah ini juga memerlukan tindakan-tindakan secara besar-besaran. Sementara itu saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan melipatgandakan lagi usaha-usaha bagi menentukan supaya rumah-rumah yang dibina oleh Pemaju-pemaju Swasta diperuntukkan kepada pembeli-pembeli Bumi-putera mengikut kadar yang ditetapkan.

DASAR PERUMAHAN NEGARA

24. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan apakah dia Dasar Perumahan Negara.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara yang diamalkan sekarang ini ialah untuk membina lebih banyak lagi rumah murah dan berusaha untuk memberi peluang kepada rakyat negara untuk memiliki rumah. Strategi-strategi yang dilaksanakan ialah bertujuan untuk mencapai matlamat dasar ini. Oleh yang demikian untuk rancangan rumah awam kos rendah, Kementerian ini akan melaksanakan strategi untuk mempercepatkan dan memperbanyakkan pembinaan rumah awam kos rendah di seluruh negara. Strategi-strategi ini ialah termasuk menambahkan peruntukan Tabung Kumpulan Wang Pusingan bagi tiap-tiap negeri daripada \$5 juta kepada \$20 juta untuk kegunaan pengambilan balek tanah, penempatan semula setinggan-setinggan yang terlibat dalam tapak yang diperlukan untuk projek rumah awam kos rendah dan juga untuk membiayai kerja-kerja awalan.

Kerajaan juga telah menyediakan grant sebanyak \$2.2 juta untuk membiayai kerja-kerja mengukur tapak yang akan dikerjakan oleh jurukur swasta bagi projek Rancangan Malaysia Keempat. Selain dari itu, Yunit Perancangan dan Pelaksanaan di peringkat Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri akan perluaskan dan diperkukuhkan.

Mengenai dasar supaya rakyat negeri diberi peluang untuk memiliki rumah, beberapa langkah sedang dan akan dijalankan untuk menambahkan kemudahan yang ada untuk membolehkan lebih ramai orang memiliki rumah sendiri.

Dasar Perumahan Negara ini bolehlah diperbaiki dan diluaskan sekopnya mengikut keadaan masa.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya amat gembira mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Dasar Perumahan Negara mempunyai dua matlamat iaitu rancangan rumah murah dan keduanya mengumumkan supaya rakyat dapat memiliki rumah sendiri. Ini adalah tujuan dan matlamat yang paling baik. Tetapi saya suka hendak bertanya taksiran rumah murah ini daripada berapa ribu ke berapa ribukah nilai harga yang dicadangkan mengikut Dasar Perumahan Negara.

Yang kedua, taksiran memiliki rumah ini, saya suka bertanya adakah kepada keseluruhan rakyat setinggan sekarang ataupun di seluruh negara kita ini iaitu untuk mencapai matlamat bagi tiap-tiap rakyat kita memiliki rumah? Adakah begitu?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian yang pertama, soalan Ahli Yang Berhormat itu ialah kadar yang ditentukan bagi rumah-rumah yang ditakrif sebagai rumah murah atau rumah yang berharga rendah atau juga disebut sebagai rumah awam kos rendah. Ini berbeza di antara rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan dengan rumah-rumah yang dibina oleh swasta. Pada masa sekarang ini di Semenanjung Malaysia rumah-rumah yang dibina oleh agensi Kerajaan atau oleh Kerajaan yang berharga tidak melebihi \$11 ribu adalah ditakrif sebagai rumah awam kos rendah. Tetapi rumah yang sama tarafnya yang dibina oleh pihak swasta yang harganya tidak melebihi \$20 ribu ditakrifkan juga sebagai rumah harga rendah. Perbezaan ini kerana rumah-rumah yang dibina oleh pihak Kerajaan ditanggung oleh Kerajaan melalui berbagai jenis subsidi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kadar ini sedang dikaji semula sekarang ini dan mungkin ianya dipinda tidak berapa lama lagi.

Bagi menjawab soalan yang kedua, matlamat sebagaimana yang disebutkan tadi ialah memberi peluang kepada rakyat negara ini memiliki rumah seberapa yang boleh. Kita tidak boleh menentukan supaya tiap-tiap rakyat itu memiliki rumah kerana sebagaimana yang kita ketahui tidak ada satu negara pun yang mampu berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 25 dan 26 adalah diberi di bawah ini)

PEMBAYARAN BALIK CUKAI

25. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh mengembalikan pengecualian cukai dengan secepat mungkin sama seperti ia meminta pembayar-pembayar cukai membuat bayaran cukai dengan segeranya.

Dato Mak Hon Kam: Suka saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pembayaran balik cukai itu boleh berlaku dalam dua keadaan. Pertamanya apabila cukai telah dibayar berlebihan, misalnya apabila sesuatu taksiran dikurangkan atas rayuan, atau cukai anggaran yang telah dibayar melebihi cukai yang sebenarnya kena dibayar. Kedua, jika sekiranya cukai yang ditahan di peringkat punca (misalnya daripada dividen) melebihi cukai yang sebenarnya harus dibayar oleh pembayar cukai itu. Dalam keadaan pertama, apabila Cawangan Pungutan, Jabatan Hasil Dalam Negeri menerima permohonan daripada pembayaran cukai untuk mendapat pembayaran balek cukai, tindakan memproses bayaran balek cukai adalah diambil selepas sahaja pengesahan diterima daripada Cawangan Penaksiran menyatakan bahawa tiada apa-apa taksiran akan dikeluarkan. Biasanya permohonan seperti ini dapat dilayani tanpa kelewatan yang luar biasa.

Dalam keadaan kedua pula, Cawangan Penaksiran yang berkenaan akan mengira jumlah yang harus dibayar balek berdasarkan kepada borang penyata yang dikembalikan oleh pembayar cukai. Biasanya jika borang telah diisi dengan lengkap dan semua salinan asal waran dividen telah diterima, tindakan memproses tidak memakan masa tetapi kelewatan harus berlaku jika didapati perlu berhubung dengan pembayar cukai untuk mendapatkan maklumat yang lanjut.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH

26. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerianya bercadang untuk menambahkan peruntukan bagi perpustakaan, sains dan hisab dan seni pertukangan untuk sekolah-sekolah rendah dari kadar yang ada sekarang memandangkan kos-kos barang yang kian meningkat.

Dato Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang menyiapkan satu kajian mengenai kadar-kadar bantuan kewangan yang diberikan kepada sekolah-sekolah. Kajian ini meliputi bantuan bagi perpustakaan, sains dan hisab, seni pertukangan dan mata pelajaran-mata pelajaran lain. Berasaskan kajian ini Kementerian Pelajaran akan mencadangkan kadar-kadar baru yang sesuai dengan keadaan sekarang kepada pihak berkuasa untuk meluluskan bagi dilaksanakan kalau boleh dalam tahun 1981 nanti.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato Haji Mohamad bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1981

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb Disember, 1980).

Perbincangan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim, sila menyambung ucapan.

3.36 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun pada hari ini ialah kerana menyambung ucapan saya semalam.

Semalam saya telah membangkitkan perbelanjaan negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh, Menteri Kewangan, yang berjumlah \$23,077 juta iaitu \$14,600 juta perbelanjaan Mengurus manakala \$8,477 juta ialah perbelanjaan Pembangunan.

Saya telah bercakap berkenaan dengan pembangunan yang jika dinisbahkan dengan perbelanjaan Mengurus adalah kecil sekali, dua kali ganda perbelanjaan Mengurus; satu kali sahaja perbelanjaan Pembangunan.

Maka saya ingat di dalam ucapan-ucapan beliau dan juga ucapan-ucapan Menteri-menteri yang lain serta apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat di

dalam Dewan Rakyat serta Yang Berhormat Senator-Senator di dalam Dewan Negara iaitu amatlah mendukacitakan sekali yang negara kita Malaysia ini disamping pembangunan yang pesat dengan rancangan-rancangan yang teratur, rancangan-rancangan yang mana telah menjadi satu ikutan dan telah ditiru oleh banyak negeri. Tetapi kalau kita melihat pada tiap-tiap akhir rancangan itu, kita dapati rancangan-rancangan itu masih meninggalkan baki. Misalnya, Rancangan Malaysia Pertama sampai sekarang ini masih ada, pada hal kita akan masuk Rancangan Malaysia Keempat di dalam permulaan tahun 1981 tetapi masih ada lagi saki baki Rancangan Malaysia Pertama belum selesai. Begitu juga Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga.

Dan saya telah menyatakan negeri-negeri yang terkorban di dalam Rancangan ini ialah kebanyakannya negeri-negeri yang kurang maju termasuk negeri Terengganu yang saya mewakilinya. Tetapi apalah saya bercakap di sini selalu saya kedengaran suara yang mengatakan negeri Terengganu negeri yang sudah maju kerana ada minyak. Saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang saya cakap itu ialah berdasarkan kepada penyata yang ditulis oleh Dewan ini juga yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian yang menyatakan negeri Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis adalah negeri yang kurang maju.

Jadi dengan sebab itulah saya bersungut, kalau sekiranya semacam di negeri Terengganu negeri yang kurang maju ketinggalan di dalam serba serbinya maka sekarang ini dengan sebab telah ditemui minyak, patut sangatlah di jadikan negeri yang maju, misalnya di dalam perkara lapangan terbang, atau pengangkutan. Orang hendak pergi ke Terengganu daripada Kuala Lumpur ini terpaksa dengan jalan darat 300 batu lebih. Tuan Yang di-Pertua, siapa hendak mengurungkan diri di dalam motokar begitu lama mengambil masa 8 jam. Misalnya, orang Kuala Terengganu hendak menghantar keluarga pergi ke Mekah naik kapal terbang. Daripada Lapangan terbang Subang bakal haji itu terbang ke Mekah, maka orang yang menghantar bakal haji itu balik ke Kuala Terengganu didapatinya orang yang di dalam

kapal terbang itu sudah sampai ke Mekah manakala orang yang menghantarnya belum sampai lagi di Kuala Terengganu dengan motokar.

Saya telah mengesyorkan di Dewan ini beberapa kali supaya diadakan perjalanan keretapi, tetapi itupun tidak mendapat apa-apa sambutan kerana dikatakan keretapi tidak menguntungkan. Ya, keretapi tidak menguntungkan, Tuan Yang di-Pertua, daripada kacamata yang lama, memang keretapi tidak menguntungkan tetapi sengaja tidak dipandang dari kacamata yang akan datang.

Kita melihat pada masa sekarang ini bagaimana negeri-negeri yang telah maju telah mengubahsuaikan keretapi mereka itu. Umpamanya, di negeri Jepun, kita melihat keretapi-keretapinya tidak lagi berjalan dengan rail yang lama. Gerabak-gerabak (coach) yang tua yang telah tidak sesuai dengan masa sudah dijual kepada negeri lain, termasuk negeri kita yang membelinya. Dia memakai coach yang baharu dan sekarang ini di negeri Jepun khabarnya—walaupun saya tidak sampai lagi—tetapi keretapi yang berjalan di negeri Jepun itu tidak payah pakai rail lagi iaitu hanya memakai udara sahaja—satu kaki daripada bumi. Maka perjalanan yang mengambil masa pada masa itu beratus-ratus batu dalam masa dua, tiga jam sekarang ini mengambil masa sekejap sahaja. Maka begitu juga saya mengesyorkan di sini sepatutnyalah umpamanya keretapi ini dibuat kajian yang mendalam mengikut sistem baharu, mengikut sistem eletronik dan sebagainya, itulah keretapi-keretapi yang kita akan gunakan kelak, tidaklah keretapi sebagaimana yang saya katakan semalam keretapi kita ini betul-betul menakjubkan—keretapi yang sangat mengkagumkan pendengar-pendengar di luar negeri.

Misalnya, mengatakan Malaysia sebuah negara yang membangun yang ada mempunyai barang-barang mentah telah mempunyai kilang-kilang dan di dalam Dewan Rakyat telah disebutkan entah berapa puluh negara dalam dunia yang melaburkan wang di Malaysia kerana menghargakan Malaysia, tetapi takkan menasabah dengan sebab sedikit banjir keretapi kita tidak boleh

berjalan. Kalau sekiranya keretapi tergelincir ialah dengan sebab tanah runtuh itu perkara biasa, tetapi kalau sekiranya keretapi tidak boleh berjalan dengan sebab keretapi itu kena banjir maka dia tidak boleh berjalan di dalam air, ini satu perkara yang ajaib. Maka perkara ini telah berlaku tiap-tiap tahun. Itulah saya mengatakan di dalam membuat estimates ini negeri sedang terbuka. Misalnya, di negara kita ini lebih-lebih lagi negeri di Pantai Timur, umpamanya, Pahang, Kelantan, Terengganu ada projek-projek membuka hutan-hutannya supaya menjadi bandar, umpamanya, Trengganu di katakan Trengganu Tengah, di Kelantan dikatakan—apa namanya saya pun lupa—di Johor—KEJORA, di Pahang dinamakan DARA. Ini semua sudah dibukakan hutan-hutannya maka kalau sekiranya hutan-hutan yang dibuka itu tidak disediakan, disediakan dirizabkan untuk keretapi untuk jalanraya, untuk leboh raya dan sebagainya maka pada masa yang akan datang tanah-tanah ini akan menjadi emas apabila diberi kepada orang sama ada orang perseorangan ataupun kepada syarikat-syarikat ataupun kompani-kompani. Apakala Kerajaan hendak mengambil balik terpaksa dinilai mengikut harga semasa.

Misalnya, pada masa sekarang ini tanah satu ekar premiumnya kita katakanlah \$50 premium satu ekar, jadi kalau orang mengambil seribu ekar tanah berapa sahaja bayar. Tetapi pada masa yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua, apakala tanah-tanah ini sudah menjadi bandar, sudah diteroka menjadi estet, apakala Kerajaan hendak mengambilnya maka dikira kaki, bukan dikira ekar lagi pada masa itu Kerajaan tidak terdaya hendak membayar balik.

Inilah saya kata di dalam membuat rancangan-rancangan ini patutlah diteliti, dikaji dengan betul dan mendalam. Jadi kepada saya kalau sekiranya macam jalan keretapi ini hendak dipakai maka janganlah dipakai yang ada sekarang sahaja tetapi patut dipakai sampai kepada negeri-negeri di Pantai Timur. Apakala terbuka sahaja Pelabuhan Kuantan maka keretapi juga patut lalu sampai kepada Pelabuhan Kuantan. Apakala negeri Terengganu terbuka minyaknya maka patut juga keretapi lalu

sampai ke negeri Terengganu untuk mengangkut minyak-minyak yang banyak ke Pantai Barat itu sebagaimana yang diterangkan oleh Pengurus Besar Keretapi sendiri, Dato Ishak Tadin, mengatakan dua sumber keretapi yang besar sekali iaitu yang pertama mengangkut balak dan yang kedua mengangkut minyak petrol. Jadi kalau sekiranya dua sumber yang besar ini menjadi keuntungan kepada keretapi, kita sudah tahu di Terengganu ada minyak, kenapa tidak dibuat jalan keretapi untuk Trengganu supaya mengambil kekayaan minyak untuk dibawa ke Port Dickson dan sebagainya. Sekarang diiklankan di Melaka akan dibuka di satu tempat saringan minyak yang besar, bagaimana hendak membawa minyak ke Melaka, begitu jugalah balak-balak. Saya tidaklah hendak bercakap panjang dalam perkara ini, barangkali banyak benda yang saya hendak bercakap pada hari ini kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya.

Berpaling saya kepada soal pelajaran. Soal pelajaran ini telah diperuntukkan sebanyak \$3,233 juta Belanja Mengurus, \$2,808 juta Pembangunan. Ini saya mengucapkan syabas. Memanglah Kerajaan kita memberi pandangan yang istimewa kepada pelajaran dan memang pelajaranlah yang patut diambil berat oleh satu-satu Kerajaan. Mana-mana Kerajaan yang tidak mengambil berat pelajaran anak-anak negerinya, maka itu Kerajaan yang tidak insaf, Kerajaan yang tidak sempurna. Tetapi oleh kerana Kerajaan kita mengambil inisiatif yang besar di dalam bahagian pelajaran ini daripada semenjak negara kita mencapai kemerdekaan itulah saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kita sehinggakan peruntukan pertahanan negara pun ketinggalan kebelakang dan diutamakan pelajaran juga. Tetapi apa yang saya berasa sedih ialah di dalam masalah pelajaran ini banyak sangat timbul problem atau masalah-masalah. Kita bukan sahaja mendengar di dalam Dewan Rakyat, kita bukan sahaja mendengar di dalam Dewan Negara cerita-cerita kesedihan berkenaan dengan pelajaran, tetapi kita juga membaca di dalam suratkhobar, kita membaca di dalam suratkhobar bagaimana anak-anak kita yang berkurangan pelajaran. Apa sebab

kekurangan pelajaran ialah dengan sebab kedudukan mereka itu terpencil di ulu-ulu sungai, di darat-darat, di bukit bukau dan lain-lain.

Tetapi saya telah mendengar daripada Timbalan Menteri Pelajaran baru sekejap mengatakan Kerajaan berhasrat hendak mendirikan asrama-asrama kepada sekolah-sekolah rendah untuk pelajar-pelajar yang daripada ceruk-ceruk rantau itu. Ini saya mengucapkan terima kasih dan syabas, di harap mudah-mudahan cakap-cakapnya itu akan dikotakan dengan seberapa yang dapat kerana kita telah membaca di dalam suratkhobar berapa banyak budak-budak sekolah yang telah menyeberangi sungai di Johor, di Kedah, di Perak dan telah mencabut nyawa mereka itu—karam, bukannya di musim tengkujuh, bukan di musim hujan tetapi di musim yang biasa sahaja. Oleh kerana mereka ini naik ramai sedikit perahunya telah menjadi senget dan tenggelam, maka kanak-kanak yang tak pandai berenang itu menjadi mangsa kerana pelajarannya. Jadi apakala ada sekolah-sekolah yang berasrama seumpama ini saya juga mengucapkan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Terengganu baru-baru ini menurut kenyataan daripada Pengarah Pelajarannya, iaitu Encik Mohamad Ali yang tersiar dalam suratkhobar bertarikh 21hb Jun mengatakan lebih 1,000 pelajar menengah di Terengganu belajar di dalam kelas terapung. Jadi dia takrifkan 'kelas terapung' ini iaitu di sekolah-sekolah menengah. Oleh kerana di sekolah-sekolah menengah itu tidak cukup kelas maka terpaksalah digunakan kelas itu di kantin-kantin sekolah ataupun ditumpang di mana-mana tempat untuk menampung kekurangan tempat bagi menempatkan 1,000 orang pelajar ini. Inilah yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, di sekolah menengah, bukan sekolah rendah, 1,000 orang menumpang di kelas terapung. Bermakna apakala terapung ini, hari ini kata Guru Besarnya kena belajar di dapur sana, terpaksalah murid ini pergi belajar di dapur sekolah, lusa takdirnya kita kena pergi di ceruk sana, pergi kepada ceruk itu. Apa fasal, kerana kekurangan tempat. Tetapi sebaliknya pula kita tengok di dalam

suratkhabar juga, saya minta maaf banyak-banyak, bukan saya kata, ini suratkhabar kata, di suratkhabar baru-baru ini juga mengatakan di Negeri Melaka 3 buah sekolah hendak ditutup kerana tak ada murid. Ini adalah perkhabaran yang berlawanan.

Di Terengganu tak cukup tempat hendak belajar, sekolahnya tak cukup menyebabkan 1,000 orang murid terpaksa belajar di kelas terapung, iaitu murid sekolah menengah. Di negeri Melaka dikatakan Pejabat Pelajaran Melaka sedang mengkaji dengan teliti kemungkinan menutup 3 buah sekolah kebangsaan di negeri itu memandangkan kepada jumlah muridnya kian merosot. Sekolah yang dimaksudkan itu ialah Sekolah Kebangsaan Chendera yang mempunyai 21 orang murid, Sekolah Kebangsaan Kamunting mempunyai 19 orang murid dan Sekolah Kebangsaan Lanchang mempunyai 20 orang murid. Jadi cubalah fikirkan. Kementerian Pelajaran sangat bermurah kepada negeri Melaka, ada 20 murid pun didirikan sebuah sekolah tetapi saya hendak kata kedekut pun saya tak berani, nanti dimarah kepada saya tetapi saya kata sangat tidak pemurah bagi negeri Terengganu sehingga diadakan kelas-kelas terapung yang seumpama ini.

Maka saya harap di dalam Dewan ini, dahulu saya telah bertanya, di dalam melaksanakan sekolah menengah dan sekolah rendah didasarkan di atas asas apa, kerana kita tengok kadang-kadang di dalam sebuah negeri itu banyak sekolah rendahnya tetapi kurang sekolah menengah, sebaliknya di dalam sebuah negeri itu terlampau banyak sekolah menengahnya tetapi kurang sekolah rendah. Jadi saya pun tak tahu—bingung. Pada masa diberikan figure ini saya pun bertanya di dalam hati negeri Terengganu itu kenapa banyak sekolah rendahnya tetapi kurang sekolah menengah. Jadi percakapan begitu tidak dapat memberi puas hati. Sekarang timbullah masalah-masalah yang seumpama ini; itu dari segi murid, dari segi guru pula macam-macamlah. Saya tertarik kepada telatah-telatah guru-guru tetapi guru ini manusia, manusia memang manusialah sampai bila-bila pun. Manusia itu ada yang baik, ada yang tak baik, itu tak bolehlah kita

pukul rata kepada tiap-tiap guru—tak boleh, kita nanti kata dia manusia, ada yang bagus dan ada yang tak bagus, macam kita juga, semua sekali begitu.

Maka biasanya di sekolah-sekolah yang jauh terpencil, lebih-lebih lagi sekolah-sekolah di pulau-pulau, macam negeri yang berpulau di Johor, di depan Mersing ada pulau-pulau, ada penduduk-penduduknya maka didirikan sekolah-sekolah bagi anak-anak penduduk-penduduk pulau itu. Begitu juga di Terengganu, ada Pulau Perhentian, Pulau Redang dan sebagainya maka di sinilah biasanya tempat guru-guru main songlap.

Di dalam bulan April dahulu pada masa Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir, Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melawat di tempat itu beliau telah diberitahu oleh penduduk-penduduk beberapa buah pulau di situ, iaitu setengah daripada guru-guru sekolah itu ponteng mengajar, ada yang mengambil cuti sesuka hatinya, ada yang datang mengajar lewat masa dan sebagainya menyebabkan kira-kira 2,000 murid yang ada belajar tidak sempurna pelajarannya. Ini menurut Tan Sri Abdul Kadir sendiri memberitahu kepada pemberita *Utusan Melayu*, barangkali langkah-langkah telah diambil—wallahualam.

Berkenaan dengan guru-guru, boleh dikatakan pada keseluruhannya gaji guru-guru di bawah Kementerian Pelajaran sekarang ini adalah mendapat gaji yang lumayan. Gaji guru-guru telah dibaiki beberapa kali dan taraf guru telah dinaikkan dan saya sudah yakin selama ini bahawa taraf guru-guru ini telah dipernaiikkan dan kedudukan guru-guru sudah beres semua sekali. Tetapi satu perkara, apakala saya hendak datang ke sini, hendak hadir di dalam persidangan Dewan Negara ini semalam saya berjumpa dengan seorang daripada kawan lama saya. Saya pun bertanya kepadanya berkenaan dengan kedudukannya, jadi dia memuji saya, dia kata macam ustaz baguslah, dahulu jadi ustaz dan sekarang sudah berpencen dalam Special Grade C-2, katanya. Saya, katanya menjadi Pegawai Pemeriksaan masih di dalam C-2 lagi sampai sekarang dan ada bunyi khabarnya pula tempat saya itu hendak diganti dengan orang

lain. Saya kata macammana begitu, dia kata begitulah kedudukan di dalam Jabatan Pelajaran, orang yang bilangannya sedikit susah hendak dapat pembelaan, orang yang bilangannya banyak seperti guru-guru itu senang dapat pembelaan. Saya kata macam di negeri Trengganu, orang-orangnya boleh dikatakan mendapat pembelaan belaka. Kalau guru-guru ugama itu boleh dikatakan semua sekali dalam C-2 belaka, dia kata begitulah. Jadi saya hairan, hairan betul, Tuan Yang di-Pertua. Orang ini ialah menjadi Penolong Pendaftar dan Penterjemah kertas soalan di Lembaga Peperiksaan Negeri-negeri. Dia ditempatkan di negeri-negeri di seluruh Malaysia, di negeri Kelantan, negeri Trengganu, negeri Pahang, negeri Johor—seluruh negeri. Jawatannya Penolong Pendaftar dan Penterjemah kertas-kertas soalan peperiksaan.

Pada masa hendak diadakan jawatan ini 12-13 tahun dahulu mereka itu diterima melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (PSC), bukan senang, mereka itu dipilih daripada guru-guru besar sekolah menengah—guru yang kanan, kerana kebolehan mereka maka ditempatkan mereka di tempat itu kerana menjaga peperiksaan negeri itu, di tempatkan mereka di dalam Division II pegawai-pegawai Kerajaan dan mereka itu berpeluang—kalau ada kekosongan, boleh pergi kepada Division I. Tetapi kata dia malang, sejak Suruhanjaya Aziz dipraktikkan, oleh kerana bilangan mereka itu sedikit sahaja di negeri-negeri, ada dua tiga orang sahaja satu negeri, jadi tarafnya jatuh diletakkan di dalam kategori C-2, daripada Division II kepada kategori C-2, dalam kategori C-2 Penyandang.

Kita sabar lagi, kata dia, datang pula Laporan Jawatankuasa Kabinet baru-baru ini maka jatuh pula lagi, daripada C-2 kepada Kumpulan C termasuk di dalam Division III. Begitulah jatuhnya. Saya pun hairan. Jadi saya terkilau.

Perkara ini bukan sebab menyebut gaji—saya tahu perkara ini tetapi kalau begini caranya, saya harap pihak Kementerian janganlah bertindak begitu, walaupun orang ini sedikit bilangannya takkanlah orang di dalam Division II turun sampai kepada Division III.

Sekarang ada pula ura-ura orang-orang ini hendak disingkirkan langsung. Manakah nilai perkhidmatan mereka 12-13 tahun yang lepas, bekerja dengan jujur, dengan ikhlas, dengan dedikasi yang dikatakan oleh Kerajaan itu. Tengoklah kepada pekerjaan mereka. Kalau kerja mereka itu tidak memberi puas hati, barulah kita gunakan ke atas mereka itu Ethika Perkhidmatan Cemerlang tadi. Tahankan gaji mereka, tahankan kenaikan mereka tetapi kalau mereka boleh bekerja dengan bagus dan menunjukkan keikhlasan, menunjukkan kebolehan, apalah salahnya mereka dikekal dan dinaikkan pangkatnya lagi, jangan dihalangkan kebolehan mereka. Itu maksud saya dan itulah tujuan Ethika Perkhidmatan Cemerlang. Tetapi saya tidak tahu dengan sebab pihak Kementerian Pelajaran ini ramai sangat orang-orangnya, semasa saya di bawah Kementerian Pelajaran dahulu banyak sangat halangan dikatakan kerana teknikal. Ini soal teknikal, kata mereka. Teknikal macam mana saya pun tidak tahu tetapi kalau kita di dalam jabatan lain, orang yang di bawah kalau patut naik terus naik, tiada halangan apa-apa.

Ada kawan saya di dalam Jabatan Penerangan, SPM pun tidak lulus tetapi sekarang ini sudah menjadi Ketua Penerangan Division I, Superscale berapa, tidak tahulah. Inilah saya kata, Kerajaan juga, Kementerian juga, tetapi itulah nasib. Apa yang berlaku di Jabatan Penerangan lain pula yang berlaku di Jabatan Pelajaran.

Saya hendak sentuh lagi mengenai berita baru-baru ini iaitu berkenaan lawatan-lawatan mengejut, Menteri Pelajaran Dato Musa Hitam dan dua orang Timbalannya akan memulakan lawatan mengejut ke seluruh negara tanpa diberi tahu kepada sesiapa mulai daripada Januari ini untuk memastikan setiap projek pembangunan sekolah berjalan dengan lancar di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Saya ucapkan syabas dan inilah saya harap tiap-tiap Menteri—bukan Menteri Pelajaran sahaja, tiap-tiap Menteri yang bertanggungjawab kepada Kementerannya itu patut membuat lawatan mengejut.

Yang sebenarnya tidak perlu diberi tahu terlebih dahulu, yang lebih mengaibkan mata

kita melihat Menteri-menteri yang dipilih oleh rakyat itu datang melawat ke kawasannya atau di mana-mana kawasan yang lain maka diterimalah dengan tepukan kompang, dengan permaidani merah, diarak di sana, diarak di sini. Orang yang boleh dibuat begitu Raja-raja negeri atau sebagainya. Kita ini orang-orang politik, orang yang telah naik dengan tangga politik, menduduki menjadi Menteri, apa semuanya ini? Kemudian dibawa ke dalam Bilik Gerakan untuk mendengar taklimat. Taklimat itu sengaja diada-adakan, perkara yang buruk semuanya tidak disebutkan, semuanya molek belaka maklumat itu. Maka puas hatilah Menteri-menteri mendengar taklimat itu, Alhamdulillah, syukur, katanya.

Cuba dibuat sepertimana yang dikatakan oleh Kementerian Pelajaran akan pergi melawat dengan mengejut. Kalau dia pergi mengejut begitu, melawat sebuah sekolah misalnya, barulah dia tahu berapa orang guru yang datang lambat, berapa banyak sekolah yang kekurangan bilik darjah, berapa banyak yang kekurangan itu, kekurangan ini, itu baru betul, bukan sekadar laporan itu sahaja.

Begitu juga Menteri Kesihatan, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, segala Menteri-menteri saya harap membuat lawatan mengejut sebagaimana yang dicadangkan oleh Menteri Pelajaran ini. Ini langkah yang baik dan saya rekod dalam diri saya iaitu Menteri Pelajaran, Dato Musa Hitam, dan dua orang Timbalannya akan mengadakan lawatan mengejut mulai daripada Januari, 1981 dan saya akan tanya perkara ini di dalam Dewan ini pada persidangan yang akan datang berapa banyak lawatan mengejut ini dijalankan oleh beliau. Ini untuk ingatan, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga Menteri-menteri lain saya akan tanya berapa kalikah Menteri-menteri mengadakan lawatan mengejut untuk memastikan kejayaan projek-projek di dalam Kementerian masing-masing.

Oleh kerana saya ini orang panggil ustaz, Tuan Yang di-Pertua, saya kenalah masuk campur dalam perkara agama juga. Kalau saya tidak masuk campur tidak kenalah. Tiga perkara saya hendak sebutkan mengenai agama di sini sebelum saya menyebutkan

perkara-perkara yang lain. Yang sebenarnya banyak sangat saya hendak sebut di sini kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan, saya akan bercakap banyak perkara. Semua perkara ini penting-penting belaka, banyak perkara; bukan main-main, penting untuk negara, tetapi itu terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat pendekkan sedikit ucapan, kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain hendak bercakap.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Ya, terima kasih. Ada banyak masa lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai kuasa kadhi-kadhi. Ramai orang-orang kita apakala bercakap di dalam Parlimen ini, banyak kali orang bangkitkan masalah khalwat, misalnya. Apabila masalah khalwat dan sebagainya dipersoalkan, mereka bertanya, kenapa di dalam hukum-hukum khalwat ini apakala dihela sahaja orang yang melakukan kesalahan itu sekiranya orang itu bukan Islam, maka yang bukan Islam itu terlepas. Ini soalnya.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita ada Perlembagaan, di dalam Perlembagaan kita ini diterangkan perkara-perkara undang-undang khalwat ini ialah Undang-undang Negeri, bukan Undang-undang Persekutuan. Undang-undang Negeri ini berkenaan dengan agama ialah dibuat kepada orang-orang Islam sahaja, tidak terkena kepada orang-orang yang bukan Islam.

Jadi dalam undang-undang ini dengan terang disebutkan di situ, undang-undang ini tidak mengenai kepada orang yang bukan Islam. Jadi apa jua yang terkandung di dalam undang-undang itu sama ada namanya undang-undang pentadbiran hukum syarak atau undang-undang pentadbiran agama Islam semuanya tak mengenai kepada orang yang bukan Islam kerana undang-undang ini khas pada menjalankan hukum syarak. Hukum syarak ini berjalan kepada orang-orang beragama Islam. Oleh kerana kita tidak puas hati, kita tidak boleh biarkan begitu. Takkanlah orang bukan Islam mencerooboh perempuan Islam, tiba-tiba

apakala dia dihadapkan kepada kadhi maka kadhi tidak ada kuasa hendak menghukum atau hendak membicarakan orang yang bukan Islam itu maka perkara ini saya syorkan dibuat pindaan dan dahulu pun saya sudah bertanya kepada Menteri Undang-undang iaitu kalau sekiranya undang-undang pentadbiran hukum syarak, undang-undang pentadbiran agama Islam tidak dijadikan undang-undang kebangsaan, ia dijadikan undang-undang Islam sahaja, maka sudah tentulah tidak boleh berjalan kepada orang yang bukan Islam. Kenapa tidak dijalankan undang-undang kebangsaan seumpama undang-undang kesalahan kecil ke atas orang yang bukan Islam.

Dalam undang-undang kesalahan kecil itu juga ada menyebut kesalahan perbuatan-perbuatan yang biadab, perbuatan yang tak senonoh, perbuatan yang boleh mengurangkan adab sopan, semuanya boleh dihukum, cuma tak diberi kuasa kepada kadhi, diberi kuasa kepada magistrate sahaja. Sekarang ini sudah menjadi adat tradisi di Malaysia yang kadhi itu tidak diberi kuasa boleh membicarakan kecuali untuk orang Islam sahaja. Fasal apa begitu? Saya harap Kerajaan boleh menimbangkan sebagaimana kadhi-kadhi itu sekarang ini kadhi-kadhi yang berpelajaran, kadhi yang berpengetahuan. Pada masa dahulu kadhi hanyalah membicarakan hal suami isteri sahaja, hal perkahwinan orang Islam sahaja tetapi sekarang ini telah dibebankan kepada kadhi itu di dalam undang-undang pentadbiran hukum syarak boleh membicarakan harta sepencarian, tuntutan nafkah dan sebagainya diberikan kuasa kepada kadhi walau berapa ribu ringgit sekali pun boleh kadhi bicarakan.

Kalau sekiranya kadhi itu diberi beban yang begitu berat, diberi penghargaan yang begitu tinggi di atas kelayakannya, tak bolehkah undang-undang kesalahan kecil yang hukumannya sebanyak \$25/= sahaja itu diberi kuasa kepada kadhi. Di samping undang-undang mentadbirkan hukum syarak itu diberi kuasa juga kepada kadhi untuk membicarakan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang kesalahan kecil. Jadi apakah ditangkap pesalah khalwat itu di antara orang Islam dengan bukan Islam, yang Islam itu dihukum di bawah undang-undang

pentadbiran hukum syarak dan yang bukan Islam dihukum di bawah undang-undang kesalahan kecil, semua di hadapan kadhi belaka. Kenapa tak boleh? Beri kuasa kepada kadhi, senang sahaja perkara itu. Tetapi itu terpujanglah kepada Kerajaan kita sama ada hendak beri kuasa atau tidak, saya mengesyorkan sahaja kepada jalan yang baik. Beri kuasa, tambahkan kuasa kepada kadhi supaya boleh membicarakan kes kesalahan di bawah Undang-undang Kesalahan Kecil (Minor Offence Ordinance) diberi kuasa kepada kadhi membicarakannya.

Satu perkara lagi masalah yang penting mengenai undang-undang agama Islam. Sekarang ini di Ibukota kalau kita masuk di restoran-restoran ada orang-orang yang menjual makanan yang haram tetapi ditulis halal, misalnya seperti ayam-ayam yang kita tidak tahu disembelih atau tidak, wallahualam, tetapi kalau ada tanda halal kita makanlah. Siapa yang membenarkan tanda halal itu? Itu katanya kadhi. Kalau mengikut undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, kebenaran hanya diberikan kepada orang-orang Islam sahaja. Kadhi tidak ada kuasa boleh beri kepada orang yang bukan Islam. Kalau kadhi benarkan tanda halal itu kepada bukan Islam, dia telah keluar daripada batasannya. Begitu juga berkenaan kebenaran tanda halal kepada kilang-kilang makanan dalam tin yang di luar ada lebal "DITANGGUNG HALAL" seperti Maggie dan sebagainya, ditanggung halal. Siapa beri kuasa membenarkan itu? Kadhi tiada kuasa. Semua ini pihak Kerajaan kenalah fikirkan sama ada kuasa itu patut diberi kepada kadhi untuk membuat pengakuan yang seumpama itu iaitu meletakkan tanda halal itu kepada makanan pengeluaran kilang walaupun kilang itu bukan kepunyaan orang Islam, tetapi diberi kuasa kepada kadhi untuk bertindak dan begitu juga tanda penyembelihan. Itu baru boleh. Kalau tidak begitu berlakulah sebagaimana Kadhi Selangor sudah tarik diri tak mahu lagi keluarkan permit halal. Dia sedar yang dia tidak ada kuasa boleh mengeluarkan permit tanda halal kepada bukan Islam, kerana tugasnya adalah tidak bersangkutan dengan bukan Islam. Saya juga mengesyorkan di sini

supaya undang-undang pentadbiran hukum syarak ataupun undang-undang pentadbiran agama Islam itu diluaskan kuasanya sampai kepada kilang-kilang yang bukan Islam dengan kuasa boleh mengeluarkan permit tanda halal dan boleh menjalankan penyiasatan dan menentukan benda yang dikeluarkan itu sama ada halal atau haram.

Ketiga ialah masalah penentuan hari raya. Masalah hari raya ini adalah satu masalah yang rumit sekali. Pada masa dahulu di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri kita satu ketetapan telah dibuat iaitu Hari Raya Aidilfitri adalah dilihat dari dua segi. Pertama dari segi rukyah, kedua dengan jalan hisab. Kalau sekiranya pada pendapat ahli-ahli falak anak bulan boleh kelihatan tetapi dengan apa-apa sebab pada hari itu anak bulan tak dapat kelihatan maka pendapat ahli falak itu hendaklah dipakai, ertinya, kalau sekiranya pada pendapat ahli falak macam Encik Khir Mohd. Taib mengatakan anak bulan boleh nampak esok, pada perkiraan dia, ada dua minit di atas ufuk, apakala di tengok di Telok Kemang, di Kedah atau Johor Bahru tak nampak anak bulan kerana ada awan maka pendapat ahli falak itu mestilah dipakai iaitu esok mestilah diisytihar hari raya. Tetapi selepas itu keputusan itu tak dipakai lagi, kembali kepada rukyah semata-mata, iaitu kalau sekiranya esok tak boleh nampak anak bulan maka pendapat ahli falak itu diketepikan langsung. Maka berlakulah sebagaimana dua tahun sudah berturut-turut iaitu pada tahun ini ahli-ahli Jabatan Agama Islam telah pergi melihat anak bulan pada hari Isnin yang dikatakan 30 Ramadhan, 11hb Ogos, pergi melihat anak bulan di Telok Kemang, di Kedah dan di Johor malangnya tak nampak anak bulan, lalu diisytihar hari raya jatuh pada hari Rabu.

Akibatnya hari Selasa tak boleh raya, sedangkan pada hari Isnin hari yang ditengok anak bulan di Malaysia itulah di seluruh negeri Arab menyambut hari raya. Keesokkannya juga iaitu hari Selasa Singapura dan Indonesia menyambut hari raya, ia boleh nampak anak bulan. Hari Rabu selepas dua hari mereka berhari raya, barulah Malaysia menyambut hari raya. Ini sudah jadi

main-main, dimasukkan berita dalam akhbar, "Hanturaya" pun menulis dengan berdegardegar mentertawakan kejadian yang penulis pojok anih itu.

Katanya, kalau kita tengok dalam musabaqah membaca Quran memang ada ucapan berapi-api mengatakan umat Islam mesti bersatupadu, kalau tidak bersatupadu umat Islam akan jatuh, umat Islam akan hina dan sebagainya tetapi bersatupadu macam mana, kalau dalam masalah hari raya ada tiga hari perbezaan, di Malaysia hari raya pada hari Rabu, di Singapura dan Indonesia pada hari Selasa, di negeri Arab pada hari Isnin. Jadi saya merayulah supaya perkara ini patutlah dikaji balik oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Raja-raja.

Kita sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, memang banyak memakai kiraan falak, di dalam Bulan Puasa sendiri kita berbuka mengikut falak, tidak ada orang hendak pergi tengok matahari jatuh baru hendak berbuka. Dia tengok jam sudah sampaikah pukul 6.30 petang, kalau di kata kurang lima minit sahaja lagi diapun tidak berani berbuka, itu siapa kata? Bukan rukyah, tetapi falak kata tidak boleh. Kalau tengok jam sudah sampai 6.30 petang barulah beduk berbunyi. Di Terengganu meriam ataupun bedil ditembakkan, barulah kita berbuka, bukankah ini dengan falak? Kita bersahur dengan falak, dekat pukul 5.00 pagi. Pukul 4.30 pagi dikatakan boleh makan lagi. Adakah kita tengok fajar? Siapa yang hendak tengok fajar terbit (*Ketawa*) tidak ada seorang pun mahu. Jadi kita berbuka puasa dengan falak, kita bersahur dengan falak, kita sembahyang dengan falak, tiba-tiba Hari Raya kita pakai Rukyah (*Ketawa*).

Saya rasa patut ditimbang semula supaya tidak menyusahkan. Ada setengah orang berbisik pada masa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong sembahyang itu, ada orang yang berbisik minta sembahkan kepada Baginda dengan mengatakan: Tuanku, iklan atau pengumuman hari raya itu lambat sangat, kalau bulan itu boleh lihat pada pukul 6.30 petang kenapa pukul 9.00 malam baru hendak iklan. Jadi menyusahkan kita hendak

buat ketupat, patut selepas pukul 6.30 petang, pukul 6.45 petang iklankanlah. Adakah ada orang yang menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begitu, itu terpulanglah kepada masing-masing? Itulah dua tiga perkara yang saya menyebutkan berkenaan dengan hal agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut perkara yang besar lagi iaitu berkenaan dengan pertanian. Baru-baru ini orang-orang di negeri lain melihatkan yang kita orang Malaysia ini membazir berkenaan dengan kayu-kayu di hutan. Saya sudah pun sebut perkara ini beberapa lama dahulu, semenjak saya masuk ke Dewan ini saya sudah bercakap, ini hendak bercakap lagi. Pembaziran yang ada di Malaysia ini tidak ada tolok bandingnya di dunia ini, membazir sungguh-sungguh padahal hutan kita di Malaysia ini yang sudah beratus-ratus juta umurnya, kayunya cukup bagus dan mereka itu berharap supaya boleh dipelihara dengan baik. Tetapi kita di dalam membasmi hutan-hutan kita, di dalam memusnahkan hutan-hutan kita, maka kita katakan hutan-hutan ini terletak di bawah Kerajaan Negeri, kita serahkan kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri memberi pekerjaan membalak, memberi lesen membalak kepada sesiapa sahaja, dengan sebab itulah kita melihat hutan-hutan telah diteroka, telah dibalak, telah dipotong kayu-kayu itu bergelimpangan. Yang sedihnya kayu-kayu balak yang tidak diambil dengan sebab susah hendak dibawa keluar dikatakan jalan tidak baik, dibiarkan reput di dalam hutan. Jadi perkara yang seumpama ini patut diawasi dan dikaji balik.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Pemelihara Alam Semulajadi dan Sumber-sumber Asli Antarabangsa di dalam satu kenyataannya di London mengumumkan baru-baru ini bahawa hutan belantara Malaysia akan pupus sama sekali menjelang tahun 2000 dengan mengukur perbuatan pembalakan-pembalakan yang ada pada masa sekarang ini di hutan Malaysia dan ia telah meyakinkan bahawa di dalam tahun 2000 atau menjelang tahun 2000 kesemua hutan-hutan Malaysia ini akan pupus, akan menjadi padang jarak, padang terkukur semua sekali, tidak ada lagi hutan-hutan di sini. Ini

pendapat Persatuan Pemelihara Alam Semulajadi Antarabangsa di London. Percakapan ini dikuatkan lagi oleh Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Dr. Salleh Mohd. Noor, yang berkata: Hutan kita akan pupus 10 tahun lebih awal dari itu iaitu pada tahun 1990. Dr. Salleh Mohd. Noor yang menjadi Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia apakala dia melihat telatah pembalakan-pembalakan yang telah begitu bermaharajalela mengambil balak-balak kita daripada hutan, dia kata tidak sampai tahun 2000, pada pendapat beliau tahun 1990 hutan-hutan di Malaysia ini akan pupus semua sekali. Manakala Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui berkata: Kadar membalak sekarang menyebabkan dua ekar hutan musnah setiap satu minit.

Apa yang kita hendak kata, ini Menteri kita, Menteri yang bertanggungjawab yang di dalam Kabinet Kerajaan kita yang ditugaskan menjaga alam sekitar, dia kata tiap-tiap satu minit dua ekar hutan dimusnahkan oleh pembalakan-pembalakan. Cuba kita fikir, kita duduk di bandar tidak sedar, kita sedap duduk di dalam Dewan ini, kalau lapar kita pergi ke kantin makan minum dan sebagainya. Tetapi apa jadi kepada hutan-hutan kita, rimba-rimba kita di sana? Tiap-tiap satu minit dua ekar dikerjakan dengan gergaji-gergaji dan mesin automatik yang boleh menumbangkan pokok-pokok yang besar. Manakala bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik, menjelaskan pada tahun 1978 sahaja lebih 2.8 juta tan kayu balak terbiar begitu sahaja di dalam hutan di dalam penyiasatannya. Negeri mana yang boleh dapat begitu. Pada hal rombongan-rombongan kita yang pergi keluar negeri melawat seumpamanya ke negara-negara Eropah Timur, negara-negara komunis satu rombongan dari Menteri Besar Terengganu telah melawat Rumania kerana hendak berunding untuk menyerahkan Terengganu Tengah kepadanya, mereka kata di sana kayu-kayu itu kesemuanya berguna, yang mana bengkok-bengkok semua digergaji, diperbetulkan balik walaupun kayu yang kecil-kecil itu, digamkan menjadi

molek, begitulah susahnya kayu di sana, kesemuanya ada harganya. Begitu juga di negeri Jepun. Tetapi kita kalau menurut kata bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama hampir 3 juta tan kayu-kayu kita itu dalam setahun terbiar begitu sahaja di dalam hutan tidak ada siapa yang mengambilnya. Balak-balak yang sudah ditebang tetapi sukar untuk dibawa keluar kerana tiada jalan yang elok, dibiarkan reput begitu sahaja, kata bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik.

Beliau menyatakan pembaziran kayu-kayu di hutan ialah 30%, di kilang 40% jumlahnya 70% dan apa yang diusahakan hingga menjadi hasil seperti papan dan sebagainya hanyalah 30% sahaja. Cubalah Tuan Yang di-Pertua fikir balak-balak yang kita beri kepada pembalak-pembalak yang menjadi hasil negara kita yang kita bangga dan balak juga adalah menjadi hasil yang utama nombor dua atau nombor tiga saya tidak tahulah di negara kita ini. Jadi begitu sekali tiap-tiap satu tan yang dikeluarkan itu ataupun yang ditebang itu cuma 30% sahaja yang digunakan 70% lagi musnah, 30% musnah di dalam hutan ditinggalkan sahaja manakala yang dibawa ke kilang 70%, itu diproses pula dibuang kulit, dibuang itu dan ini tinggal yang molek sahaja 30%, yang lain 40% lagi itu semuanya dibakar dibuang dengan percuma, maka dimanakah satu negara di atas dunia yang begini membazir seumpama Malaysia kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuba fikir di manakah dunia yang membazir sebagaimana Malaysia telah membazir di dalam perkara ini, bukan baru, tetapi sudah lama berjalan, sampai bila kita mesti biarkan begini, negeri kita akan pupus kerana menurut pendapat Persatuan Pemelihara Alam Semulajadi di dunia mengatakan tahun 2000 hutan di Malaysia akan habis. Kalau menurut orang kita sendiri mengatakan tahun 1990 akan pupus dan kita hanya menunggu masa sahaja.

Di Afrika Utara seperti yang kita dapati sekarang ini telah menjadi padang pasir tandus, asalnya adalah dipenuhi dengan hutan-hutan rimba, tetapi oleh kerana hutan-hutan ini telah menjadi pupus telah

dimusnahkan dan akhirnya Afrika Utara sudah menjadi tanah padang pasir yang tandus kesemua sekali. Adakah kita berkehendak Malaysia akan jadi begitu? Saya fikir walau macammana sekalipun patutlah perkara ini diatasi.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Berkenaan dengan rumah murah, Tuan Yang di-Pertua, rumah murah ini di dalam Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh ada disebutkan bagaimana Kerajaan menambahkan peruntukan rumah kos murah dan sebagainya dalam Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi saya tertarik dengan satu Kertas Kerja yang dikemukakan. Tentang rumah kos murah itu benarliah apa yang dikatakannya tetapi benda yang menjadi soal di hadapan kita ini ialah tentang kenaikan harga rumah. Jadi bolehlah kita buat macam di negeri Johor, negeri Johor sudah tetapkan rumah kos murah ini harganya sekian-sekian, tidak boleh naik. Misalnya, di negeri Johor 40% rumah murah dikhaskan kepada bumiputera, harganya tidak melebihi \$15,000 satu unit. Jadi Kerajaan sudah tetapkan kalau rumah kos murah iaitu \$15,000 satu unit. Kerajaan Johor sudah buat seperti itu tetapi Kerajaan-kerajaan di negeri lain tidak menghadkan.

Di sini disebutkan seunit rumah teres satu tingkat di Kuala Lumpur yang berharga \$19,500 dalam tahun 1970 telah melambung sehingga \$110,000 tahun ini; kenaikannya 464.1% di dalam masa 10 tahun. Ini macam mana dikatakan rumah kos murah, nama sahaja kos murah tetapi daripada \$19,500 di Kuala Lumpur ini sudah jadi \$110,000. Di dalam tahun 1979 rumah jenis yang sama berharga \$75,000; tahun 1978 harganya \$52,000; tahun 1976 harganya \$44,000 dan tahun 1973 sebanyak \$32,000. Begitulah gayanya rumah kos murah ini akan naik daripada \$110,000 akan menjadi \$130,000; \$200,000; \$300,000. Kerajaan kita akan memberi peruntukan supaya rakyat membeli rumah kos murah itu.

Saya fikir sudah tentulah rakyat biasa tidak boleh membeli rumah, dengan sebab itu lebih baiklah dibuat sebagaimana yang dibuat oleh

Kerajaan Singapura membina banyak rumah-rumah flat, diberi sewa kepada rakyat, biarkan sama boleh menduduki dalam rumah-rumah flat ini. Yang boleh membeli adalah orang yang ada duit, orang yang mampu bolehlah beli sampai 2-3 buah rumah dengan nama orang-orang yang berpendapatan kecil tetapi nama dipinjam daripada orang-orang lain dan sebagainya. Saya fikir ini tidak kena. Di dalam estimates tahun ini kita tabik kepada Tengku Razaleigh dengan sebab Belanjawan yang dikemukakan di dalam Parlimen ini adalah Belanjawan yang benar-benar menguntungkan rakyat tetapi rakyat yang macam mana? Betullah pada keseluruhannya menguntungkan rakyat tetapi dari segi rumah, saya fikir tidak menguntungkan rakyat.

Jadi kepada saya lebih baiklah dibanyakkkan rumah-rumah pangsa daripada membuat rumah-rumah kos murah kalau harganya sampai beratus-ratus ribu ringgit sebuah.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan menunaikan Haji ke Mekah. Lembaga Urusan dan Tabung Haji walau macam manapun saya mengucapkan syabas dan tahniah, memang usahanya bagus, walaupun ada sedikit-sedikit kesilapan tetapi kebajikan yang diberikan sangatlah banyak. Tetapi dalam pada itu juga ramai orang-orang yang menipu pihak Tabung Haji seumpamanya orang-orang dakwah mengatakan pergi menerusi Tabung Haji tidak sah Hajinya. Mereka pergi ke kampung-kampung mengatakan Tabung Haji dianjurkan oleh Kerajaan, dengan sebab itu marilah pergi dengan jalan mereka, maka timbullah orang pergi naik Haji dengan jalan swasta. Apakala pergi naik Haji dengan jalan swasta maka orang itu kadangkala terlantar di Mekah dan sebagainya. Perkara ini telah dilaporkan kepada Tabung Haji. Perkara ini ada dimasukkan dalam suratkhbar—katanya polis menyiasat perkara menipu bakal-bakal Haji ini. Tadi saya bertanya kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri katanya tidak ada—wallahualam. Tetapi di sini tidak begitu—“.....Sementara itu Ahli Jawatankuasa Agama Negeri Kelantan, Encik Abdul Latiff Haji Abdul Rahman ketika diminta mengulas mengenai kejadian

yang sama, percaya penipuan ke atas bakal-bakal Haji terdiri daripada kaum petani dan nelayan luar bandar itu hasil daripada dakwah orang-orang yang tertentu di negeri ini. Beliau mendakwa satu dakyah baru telah disebarkan oleh orang-orang tertentu di Kelantan akhir-akhir ini yang mendakwa bahawa fardu Haji seseorang ke Tanah Suci Mekah sebagai tidak sah jika pemergian bakal haji itu dibuat melalui LUTH. Encik Abdul Latiff yang mendakwa mempunyai bukti tentang wujudnya dakyah tersebut berkata penyibar-penyibar dakyah itu mempengaruhi masyarakat kampung kononnya simpanan wang seseorang di dalam LUTH sebagai haram dan 'riba' serta bercanggah dengan akidah Islam.”

Tetapi oleh kerana pihak polis—wallahualam, saya tidak tahulah, dia lebih bijak dan lebih pandai mengatakan perkara ini tidak ada berlaku apa-apa, tetapi pihak Tabung Haji kata ada. Sudahlah begitu, pihak Bank Pertanian pula saya fikir dengan niatnya yang baik dia telah mengumumkan satu Skim Pinjaman kepada para petani yang hendak menunaikan fardu Haji bolehlah meminjam kalau tidak cukup daripada Bank Pertanian dengan mencagarkan tanahnya dan dikenakan interest di antara 8% hingga 11%. Dalam masa dicagarkan itu bolehlah petani itu mengerjakan tanahnya itu, dia tidak marah, dibiarkan sahaja—halal katanya. Bayaran balik boleh dipotong tiap-tiap bulan sehingga habis. Perkara ini memang pada dasarnya bagus iaitu menolong petani-petani tetapi kita mesti ingat perkara Haji ini tidak wajib sampai berhutang berbaris hendak pergi ke Mekah. Kalau sekiranya mampu pergilah, kalau tidak mampu fasal apa sampai hendak berhutang-hutang, sampai cagar tanah kepada Bank Pertanian? Kalau dicagar sahaja molek juga tetapi kena pula interest. 'Interest' walau cakap apapun, cakap Inggeris—interest; cakap Melayu—faedah, cakap Arab—'riba'; tidak lari daripada itu. Jadi kalau orang yang pergi ke Mekah bercampur wang 'riba' itu, Tuan Yang di-Pertua, dikatakan Haji itu 'Haji Mardud', Haji yang tidak diterima oleh Tuhan, sebab itu kita tengok berapa banyak orang-orang Haji apakala balik daripada Haji macam itu juga keadaannya lebih kurang sahaja. Kalau

kaki tidak sembahyang, tidak sembahyang macam itu juga kerana dia pergi ke Mekah itu Hajinya tidak diterima, bercampur wang yang haram. Sebab itulah orang-orang tua kita apakala hendak pergi ke Mekah, wangnya bersih disimpan, jangan campur wang-wang haram itu.

Yang keduanya dengan perbuatan Bank Pertanian macam ini boleh merosakkan perjalanan Tabung Haji. Tabung Haji telah jalankan iaitu siapa yang hendak pergi ke Mekah simpanlah dengan Tabung Haji, kalau ada \$5.00 simpan \$5.00, kalau ada \$10.00 simpan \$10.00; kalau di musim buah-buahan taruh banyak sedikit. Sesudah jual buah rambutan, jual buah durian boleh bubuh banyak sedikit wang dalam Tabung Haji, boleh lekas sedikit naik Haji. Orang-orang di Terengganu, orang yang ada dusun duku, tidak banyak lebih kurang 1 ekar, $\frac{1}{4}$ ekar ataupun $\frac{1}{2}$ ekar pokok duku sahaja, tiap-tiap tahun boleh pergi ke Mekah, tiada apa-apa susah. Dengan sebab buah duku mahal, lori pergi ke bawah pokok mengambil buah duku terus bawa ke Kuala Lumpur ini. Orang yang ada kebun duku ada yang dapat \$10,000 setahun, \$8,000 setahun, \$12,000 setahun, alhamdulillah, hasil buah duku sahaja. Tetapi duku nampaknya tumbuh di Terengganu sahaja tidak di negeri lain. Bukan buah duku hutan atau duku campur langsung, itu tumbuh di negeri Johor.

Satu lagi yang menarik hati saya iaitu ucapan Datuk Rais Yatim Menteri Besar Negeri Sembilan pada 16hb Ogos. Di dalam ucapannya, dia berkata: "Kerajaan tidak lagi akan meluluskan pengambilan balik tanah simpanan Melayu bagi sebarang projek kecuali gantinya dipastikan. Langkah itu diambil memandangkan banyak tanah simpanan Melayu telah hilang sama ada menerusi pengambilan balik bagi projek Kerajaan atau melalui cara yang lain."

Apakala saya membaca berita ini dalam suratkhobar terpegun juga. Macam mana kalau sekiranya Kerajaan mengambil balik tanah rizab Melayu itu tidak diberi ganti, walaupun projek Kerajaan. Padahal perkara ini telah terang ditulis di dalam Artikal 89, Fasal 3 (c) Perlembagaan yang mengatakan, jikalau sekiranya tanah rizab Melayu itu

dikeluarkan menjadi rizab, maka tanah lain yang serupa itu hendaklah dijadikan rizab. Tetapi Kerajaan-kerajaan Negeri saya nampak tidak buat begitu, dia ambil itu, ambil terus begitu sahaja tidak diganti. Macam mana boleh jadi begini? Menteri Besar Negeri Sembilan ada berkata: "Pada masa akan datang tidak akan diambil lagi tanah rizab Melayu." Perkara ini tidak berbangkit bagi negeri Kelantan dan negeri Terengganu kerana seluruh negeri itu adalah dijadikan Malay holdings.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa geli hati kepada sungutan orang-orang Johor. Orang Johor di dalam bulan Ramadan yang lepas, atau dalam bulan Ogos yang lepas bersungut di dalam suratkhobar. Katanya Kerajaan memberi subsidi kepada pekebun-pekebun buah-buahan, beri bantuan supaya menolong pekebun-pekebun itu memajukan kebun buah-buahan masing-masing. Tetapi apakala sampai musim buah, harga buah tidak murah di negeri Johor. Durian masih \$2 sekati, rambutan \$1.50 sekati, tiap-tiap hari beratus-ratus lori buah-buahan itu dibawa ke Singapura. Apakah faedahnya kata mereka diberi subsidi itu? Ini betul macam cerita Pak Pandir, pada pendapat saya. Beri bantuan subsidi kepada pekebun-pekebun ini dengan tujuan apakala banyak buah-buahan itu, maka mewalhal negeri Johor dengan buah-buahan. Jadi buah durian yang harganya \$2 itu akan turunlah \$1, turun 50 sen supaya orang-orang miskin boleh beli. Tetapi apa maknanya, apakala subsidi diberi kepada pekebun-pekebun itu dan, buah-buahan pun banyak maka yang dapat nikmatnya orang Singapura bukan orang Johor. Orang-orang miskin di Johor dapat melihat begitu sahaja. Dengan sebab itu mereka kata tak usah beri subsidi itu. Tidak beri pun tak kena juga, tetapi patut dikawal. Saya harap apakala Kerajaan memberi subsidi seperti ini jangan dilepaskan begitu sahaja, subsidi diberi tetapi dikawal, sekurang-kurangnya beberapa peratus daripada buah-buahan itu jangan dilepaskan ke Singapura atau ke negeri lain, tetapi mesti dibawa ke pasar di dalam negerinya sendiri supaya menjadi jaminan kepada orang-orang miskin dapat menikmati sama.

Saya pergi kepada pengemis. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan

6.65 ptg.

Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana mendapat peluang mengambil bahagian di dalam perbahasan peruntukan Belanjawan Negara bagi tahun 1981 yang akan datang sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan kita. Pada hemat saya peruntukan Belanjawan bagi tahun 1981 adalah merupakan Belanjawan yang lunak dan sederhana yang dapat diterima oleh seluruh peringkat rakyat terutama bagi rakyat jelata yang berpendapatan rendah.

Belanjawan tahun 1981 juga adalah merupakan pembukaan Rancangan Pembangunan Malaysia Keempat yang akan kita hadapi sebagai lanjutan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan kita tinggalkan tidak lama lagi. Saya juga mengambil peluang bagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan kakitangan Kementerian Kewangan yang telah bekerja keras menyediakan Belanjawan yang amat berpatutan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam perbahasan ini bagi perhatian dan pandangan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Kementerian Penerangan adalah sebuah Kementerian yang menaikkan peranan bagi memberi penerangan kepada seluruh rakyat terutamanya peranan TV Malaysia yang sedang berkembang pesat selaras dengan perkembangan di negara lain terutamanya setelah perlaksanaan siaran TV berwarna yang dinikmati oleh seluruh rakyat di negara ini. Apa yang saya hendak sentuh di sini bahawa TV Malaysia patut membaikkan rancangan-rancangannya dalam Bahasa Malaysia, membanyakkan rancangan-rancangannya di dalam Bahasa Malaysia. Apa yang kita dapati di masa ini sebahagian besar rancangan-rancangannya terutama tayangan-tayangan filem yang berbahasa Inggeris sepatutnya filem itu dialih bahasanya

dengan Bahasa Malaysia. Tidak cukup dengan sub-title sahaja. Filem yang berbahasa Malaysia atau berbahasa Indonesia patutlah ditambah lagi. Cerita-cerita Inggeris patut dialih dengan Bahasa Malaysia. Iklan-iklan yang menggalakkan menghisap rokok patut dihapuskan seperti iklan-iklan rokok yang selalu ditayangkan di TV kita. Iklan-iklan seperti ini bertentangan dengan kempen Kementerian Kesihatan yang menghapuskan amalan menghisap rokok. Ini juga menunjukkan dua Kementerian yang bertentangan.

Mengenai dengan FELDA, memanglah patut mendapat pujian di atas peranan menolong rakyat dalam rancangan tanah yang telah berjaya menempatkan lebih 60,000 keluarga di seluruh rancangan di negara ini. Dalam pada itu saya suka mengemukakan di sini supaya langkah-langkah patut diambil supaya tidak FELDA ini sebagai satu masyarakat yang terasing yang istimewa dari masyarakat-masyarakat lainnya di dalam corak dan cara hidup peneroka-peneroka itu. Cara hidup dalam masyarakat FELDA hendaklah diselaraskan dengan masyarakat kampung-kampung lama. Satu contoh mengenai pemilihan ahli JKKR dalam Rancangan-rancangan FELDA hendaklah sama seperti lantikan ahli JKK yakni Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dengan tidak melalui pilihanraya. Kalau ahli JKK di kampung-kampung dilantik oleh Menteri Besar tiap-tiap negeri, saya mencadangkan supaya ahli JKKR di rancangan-rancangan FELDA hendaklah dilantik oleh Menteri yang berkenaan. Dengan ini dapat mengelakkan perpecahan yang boleh berlaku dengan cara pilihanraya ini.

Selain daripada itu Kerajaan melalui Kementerian yang berkenaan hendaklah mencari jalan bagaimana hendak mendekati pendapatan dan taraf hidup di antara masyarakat-masyarakat di kampung lama dengan di FELDA. Kita tidak mahu rakyat menganggap Kerajaan terlalu memberi keistimewaan kepada orang-orang FELDA. Saya berharap melalui RISDA, FELCRA dan lain-lain agensi dalam Kementerian Pertanian supaya mencari jalan

menambahkan pendapatan, hakmilik masyarakat di luar FELDA supaya rakyat dapat mengecap nikmat yang sama dari pembangunan negara yang pesat berjalan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar bahawa Kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji dan menetapkan dasar-dasar pertanian negara. Sehingga hari ini saya belum lagi mendengar apa-apa keputusan yang dicapai mengenai dasar tersebut. Sebagaimana yang kita semua ketahui Malaysia adalah pengeluar getah asli yang terbesar di dunia memandangkan harga minyak yang semakin hari semakin naik, maka harga getah asli tetap berada di paras yang tinggi dan Kerajaan mestilah mengambil kesempatan untuk menambahkan lagi pengeluaran getah negara. Kerajaan hendaklah mengambil langkah yang positif untuk menentukan supaya pengeluaran getah tidak terjejas bahkan mesti ditambah pengeluarannya. Tetapi apa yang terjadi pada masa sekarang banyak ladang-ladang getah dengan sewenang-wenangnya menukar tanaman dan menanam semula dengan tanaman-tanaman yang lain daripada getah seperti kelapa sawit dan sebagainya. Bahkan kepada pekebun-pekebun kecil pula Kerajaan tidak mempunyai dasar tertentu tentang apakah tanaman yang patut ditanam supaya selaras dengan kehendak negara. Kalau perkara seperti ini dibiarkan, tentu ini menjejaskan pengeluaran getah negara.

Apa yang saya khuatir pada suatu ketika nanti apakala kita tidak dapat membekalkan getah yang cukup kepada pengguna-pengguna dan pengilang-pengilang di luar negeri mereka-mereka ini akan beralih dengan penuh kepada getah tiruan di mana dengan teknologi terbaharu mereka boleh membuat dengan harga yang lebih murah daripada sekarang. Maka pada waktu itu, ekonomi kita yang banyak bergantung kepada pengeluaran getah akan mengalami masa yang gelap. Oleh yang demikian saya menyeru daripada hari ini Kerajaan mestilah mengambil langkah yang tegas dan merancang apakah sebenarnya dasar Kerajaan mengenai pengeluaran hasil pertanian dari negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pekebun-pekebun kecil di dalam negara ini adalah dari golongan rakyat yang miskin sekali. Mereka itu juga rakyat yang membuat sumbangan yang banyak terhadap pengeluaran pertanian negara. Mereka itu juga adalah rakyat yang setia dan mendokong Kerajaan yang memerintah sekarang. Nasib mereka iaitu golongan yang teramai sekali dalam negara ini sama ada kita suka atau tidak mestilah dibela dan taraf hidup mereka mesti dinaikkan dari keadaan yang ada sekarang. Walaupun berbagai cara dan langkah telah diambil oleh Kerajaan melalui berbagai agensi Kerajaan namun demikian saya dapati ini belum cukup lagi. Banyak pekebun-pekebun kecil yang terpaksa membuat tiga empat pekerjaan untuk menampung hidup itu disebabkan salah satu daripadanya ialah mereka yang mempunyai tanah yang sangat kecil. Satu dua ekar sahaja ditanam dengan getah atau kelapa atau lain tanaman. Berapakah hasil dari kebun yang sekecil ini walaupun diamalkan teknologi yang begitu moden sekali tetapi tanah yang begitu kecil tidak akan mengeluarkan hasil yang cukup. Dari itu saya mencadangkan supaya Kerajaan meneliti keadaan seperti ini dan mencari jalan supaya orang-orang dan rakyat seperti ini dapat menambah dan memiliki tanah yang lebih luas dan ekonomik.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh atas Belanjawan negara tahun 1981.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Abdullah.

6.14 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Anggaran Belanjawan 1981 yang dianggap sesuai dengan keadaan dan masa tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengambil bahagian di perbahasan ini, saya suka membaca asas berkenaan dengan Belanjawan yang ditulis oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan, yang berbunyi di Para 4:

“Oleh kerana sistem ekonomi kita terbuka, memanglah kita tidak dapat mengelak

sama sekali kesulitan-kesulitan yang timbul dari luar negeri. Itulah sebabnya Strategi Belanjawan 1981 telah dirancang khusus untuk membantu menentang sebahagian dari kesulitan-kesulitan ini dan juga untuk mendorong ekonomi dalam negeri, ke arah:

- (a) mengekalkan pertumbuhan pada paras yang tinggi; dan
- (b) membendung inflasi dalam negeri; supaya dapat
- (c) memberi manfaat terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah. Yang saya maksudkan ialah pekebun-pekebun kecil getah, penanam-penanam padi, peniaga-peniaga kecil, dan lain-lain."

Tuan Yang di-Pertua, daripada strategi Belanjawan 1981 yang ditulis dalam itu sebenarnya Menteri yang berkenaan telah mengambil jalan sederhana tetapi meliputi apa yang dikehendaki oleh rakyat dalam negeri ini terutama sekali dalam bahagian (c) iaitu memberi manfaat kepada golongan yang berpendapatan rendah iaitu pekebun-pekebun kecil, penanam padi, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain. Jadi inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian sedikit.

Saya meminta Menteri yang berkenaan mengeluarkan belanjawan negara kita ini dalam bahagian (c) ini seberapa banyak yang boleh seperti yang tercatat di dalam anggaran tersebut dan pada pendapat saya wang dalam reserve untuk perkara-perkara yang tertentu atau yang lain bolehlah dimasukkan kebanyakan dalam bahagian (c) ini iaitu untuk menolong rakyat yang menderita, yang sentiasa memohon bantuan untuk membantu kehidupan mereka yang terpencil terutamanya di kampung-kampung. Apa lagi saya hendak sebut rakyat bumiputra yang dilahirkan di sini dan menjadikan negeri ini tanah tumpah darahnya zaman berzaman sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pembangunan negara saya rasa tidaklah boleh dipencilkan dengan tiga cabang seperti yang saya sebutkan ini. Jadi saya rasa sudahlah menasabah perkara ini diambil berat oleh Yang Berhormat Menteri yang

berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajar, jangan sahaja tulis di dalam surat tetapi disiratkan di dalam kenyataan dan bukti yang nyata supaya pada tahun hadapan kita akan melihat tiga-tiga faktor menolong kepada rakyat-rakyat yang miskin ini akan terbukti dan nyata serta berkesan.

Kita kerap kali membaca dan mendapati tentang pertolongan yang disuarakan tetapi kadangkala kita hairan melihat bukti-bukti dan kenyataan jauh daripada yang ditulis dan apa yang diperkatakan. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berucap dengan penuh rasa tulus ikhlas supaya tiga kenyataan yang menolong rakyat yang miskin ini akan dapat memberi kesan yang nyata oleh Menteri-menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak masuk dalam hal kewangan yang begini banyak bagi Belanjawan tahun 1981 ini. Saya cuma hendak menyebut sedikit. Apabila kita menyebut perkara ini, serupa jugalah kita hendak mengenangkan tanahair kita ini iaitu Malaysia dengan gunung-gunungnya, dengan keindahan lautnya, keindahan alam hutan semula jadinya, begitu juga dengan keindahan air-air sungai yang mengalir dan lain-lain lagi. Dan kemasyhuran mengikut sejarah dan ilmu alam negeri kita ini memang negeri yang kaya; kalau kita melawat ke mana negeri pun, kita bolehlah berbangga bahawa alam semula jadi dan kekayaan negeri kita ini tidak kalah dengan negeri-negeri yang kaya dan juga di dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kenangkan negara ini, kemudian kita bandingkan pula dengan pembangunannya, kita tidak dapat nafikan pembangunannya yang sudah dijalankan oleh Kerajaan kita di seluruh tanahair kita di Malaysia baik pun timur atau barat, Sabah atau Sarawak semuanya saya rasa telah berubah dengan cepatnya dan pantas. Tetapi bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan dalam banyak agensi-agensi Kerajaan yang sebahagian daripada Kementerian-kementerian kita banyak wang rakyat kita, wang negara kita telah hilang dengan sia-sia tetapi, Tuan Yang di-Pertua, akan dapat dibuktikan dengan nyata.

Apa yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad tadi adalah benar. Katanya sebahagian daripada pembinaan negara kita seperti bangunan-bangunan, jalan-jalanraya dan lain-lain banyak memakan wang yang berjuta-juta ringgit tetapi tidak berapa lama, Tuan Yang di-Pertua, bangunan-bangunan bocor, retak dan sebagainya. Begitu juga jalanraya baharu tidak sampai 6 bulan pecah balik hingga lekak-lekok. Ini memang ada bukti yang nyata, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang semacam ini setelah banyak wang dibelanjakan. Kita sukalah hendak menyebutkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri supaya mereka berwaspada daripada hari ini ke hadapan moga-moga dalam masa 5 tahun kita bendung sungguh-sungguh, kita jaga dengan baik-baik, saya rasa wang negara ini dapat kita gunakan sebenar-benarnya bagi mencapai tujuan kita dalam ertikata yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, semua negara yang membangun dalam dunia ini kalau kita baca riwayat negeri Jepun sendiri Amerika atau Jerman semua mereka itu melalui proses pembangunan yang pada awalnya tidak kuat, tetapi setelah penyelenggaraan kewangan dan segala khazanah negaranya dijalankan dengan penuh teliti oleh pakar-pakar, pegawai-pegawai, menteri-menterinya bersungguh-sungguh mengikut cara yang benar baharulah negara itu dapat membangun dalam ertikata yang sebenar. Negeri Jepun kalau kita baca riwayatnya dalam dunia ini adalah sebuah negara yang saya rasa boleh dijadikan contoh tidak sampai 50 tahun mereka telah menjadi sebuah negara yang kuat dan sekarang kita tahu di antara negara yang termaju sekali dalam dunia. Mereka dalam semua perkara seperti kewangan, pegawai-pegawainya baik swasta ataupun Kerajaan mereka semua bekerja keras dan penuh dedikasi serta amanah hinggakan mana-mana mereka yang tidak beramanah sanggup mereka "hara-kiri"—mengeluarkan perut dan jantung mereka sampai mati. Jadi contoh-contoh dedikasi yang macam ini kita ikut, tetapi saya bukanlah suruh kita buat "hara-kiri", sebab agama kita tidak suruh, tetapi saya

rasa kenyataan-kenyataan dedikasi yang bertanggungjawab, ada planning dalam semua perkara, yang tetap, yang konkrit boleh memajukan negara kita. Malaysia ini saya rasa pada saat-saat yang akhir ini pengeluaran petroleum dalam negara kita saya rasa boleh jadi sebuah negara yang kaya dalam dunia akan datang kalau salurannya betul-betul dijalankan mengikut lunas-lunas negeri yang maju seperti yang saya katakan tadi.

Pada tahun dahulu dalam mesyuarat Belanjawan 1980 saya telah menyebutkan terus terang kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebuah kementerian penyalarsan perlu diadakan di negeri ini. Sebuah kementerian seperti ini mestilah ditubuhkan dalam Kabinet Kerajaan Malaysia ini supaya mengawasi semua kewangan dan semua jentera pelaksanaan pembangunan dalam negara kita ini dapat diatur dengan lebih licin. Apabila ada kementerian ini sudah tentu kita mengumpulkan pakar-pakar, ahli-ahli perancang, pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab. Kita bukan tidak ada pegawai yang bertanggungjawab dalam negeri kita ini, Tuan Yang di-Pertua, misalnya, Datuk Ishak Tadin, Datuk Hassan Ibrahim dan banyak lagi yang saya tahu. Seperti Pegawai Daerah, bukan semua Pegawai Daerah yang tidak ada berkebolehan, ada antaranya penuh dedikasi, siang malam dia bekerja, dia boleh bangun pukul 7.00 pagi pergi melihat semua kawasan dalam daerahnya. Tuan Yang di-Pertua, tidak payahlah saya sebutkan namanya. Ini satu kebanggaan ada Pegawai Daerah seperti ini. Dia pergi tengok sehingga pekerja-pekerja tidak berani datang lewat daripada pukul 8.00 atau merayau di merata-rata pekan, balik rumah kerana dia sendiri datang melawat kepada semua tempat itu. Kalaulah ada pegawai dedikasi yang bertanggungjawab semacam ini, saya rasa memang boleh 70% atau 80% dibuat dalam Malaysia ini kalau betul-betul jalankan. Kepada saya disiplin ini memang baik tetapi sebenarnya ialah ketabahan jiwa, dedikasi dan tanggungjawab.

Senang sahaja dalam dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat kita tidak suka orang buat macam itu, begitulah juga orang

tidak akan suka kepada kita kalau kita buat macam itu. Kalau kita datang lambat ke pejabat, kalau kita datang ke pejabat berbual-bual, datang ke pejabat membaca suratkhbar, datang ke pejabat tidak menguruskan semua kewajipan kita itulah namanya, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang tidak dedikasi. Sebenarnya, ini penyelewengan dalam jawatan. Saya sebutkan ini terus terang sebab mengikut ugama kita, Tuan Yang di-Pertua, kiri kanan kita ini ada secretary, satu menulis yang baik walaupun sebesar zarah dan satu lagi di sebelah kiri siapa pun tidak boleh lari dituliskan baik pun sebesar zarah penyelewengan yang tidak bertanggungjawab. Itu adalah mengikut agama Islam kita yang kita anuti. Sebab itu kalau pengikut agama Islam, penyelewengan dan curi tulang kata pepatah Melayu tidak timbul kepada orang-orang yang benar-benar kalau dia seorang yang fahamkan benar-benar kedudukan dan tanggungjawab dirinya sendiri.

Kita mahu kementerian penyelarasan ini terdiri daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan dedikasi yang boleh menjalankan tanggungjawab yang sebenarnya, apa yang dipertanggungjawabkan kepadanya beres dilakukan. Dia tahu bukan sahaja di dunia ini dia dipuji tetapi di akhirat nanti dia adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang Sallehin kerana dia menjalankan kerja dengan tanggungjawab yang sebenar, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin apa agama pun dalam dunia ini tidak boleh mencuri tulang dan tidak boleh hendak lari daripada kewajipan. Kita tidak boleh pergi ke pejabat lewat, balik cepat, urusan pejabat tidak kita jalankan, ini saya sebutkan meliputi semua pentadbiran negara kita ini mahupun kecil sampai sebesar-besarnya. Sebab itulah yang besar dia tidak boleh menganggap dia tuan dan yang kecil jangan hina menganggap dirinya hamba, sebab mafhumnya kita hidup manusia ini adalah sama, iaitu kalau tidak ada yang kecil tidak ada yang besar. Kalau saya tidak ada di sini, Tuan Yang di-Pertua tidak ada di kerusi sana misalnya, begitu juga dengan keadaan-keadaan hidup yang lain. Sebab itu tidak ada kalimat tuan besar dan tidak ada kalimat

hamba dalam ertikata yang sebenar. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian sudahlah sampai masanya kita membuat analisa dalam Kerajaan kita ini, sebuah Kementerian yang bertanggungjawab sungguh-sungguh yang sepenuh masa di dalam penyelarasan dalam negeri kita ini perlulah diwujudkan cepat, sebab kewangan kita berjuta-juta ringgit membazir atas satu-satu kerja pembinaan yang sia-sia. Walaupun saya tidak nafikan ada banyak yang baik seperti saya katakan tadi, tetapi tidak boleh menolak mana yang membazir. Kita mesti berani mengatakan yang hak: Nurulyakin ainulyakin haqqulyakin barangkali Tuan Yang di-Pertua pun tahu iaitu yang hak itu adalah benar.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya rasa pegawai-pegawai perancang, pakar-pakar yang tertentu, pegawai-pegawai yang penuh dedikasi mesti kita pilih dan masukkan dalam kementerian penyelarasan ini supaya dapat menyelaraskan semua pembangunan negara kita ini yang sebenar-benar menjadi jentera penggerak, jentera yang menentukan di seluruh pelusuk tanahair kita ini, beribu kampung bukan sahaja daerah atau pekan tetapi seluruh kampung. Saya bersetuju juga supaya pemimpin-pemimpin besar, Menteri-menteri dan pegawai Kerajaan negeri kita ini sama juga bertungkus-lumus dengan rakyat.

Saya buat contoh Presiden Suharto, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah bercakap dengan seorang pegawai Petroleum di Chilacap, seorang pegawai yang penuh bersemangat. Saya bertanya kepadanya bagaimana bapak Presiden dengan rakyatnya supaya menjadi contoh kepada kami. Saya pergi ke rumah Presiden sendiri, rumah yang amat sederhana, masih ada lagi buluh-buluh di sekelilingnya, di luar sahaja bertembok batu, ini menunjukkan kesederhanaan Presiden kita itu.

Dia bercerita dengan saya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat suka kepada Presiden apa fasal? Dia kata masa sawah padi dia dengan tidak berkasut diam-diam pergi bersamasama bekerja dengan rakyatnya bersawah padi. Saya rasa air mata saya menitik. Apa sebabnya menitik? Inilah yang sebenarnya pemimpin, sebagaimana Umar ibni Khattab

juga kita pun sedar, waktu malam dia pergi ke rumah orang miskin dia dengar teriak tangis seorang yang menderita. Dia pergi ke rumah yang bocor, dia dengar seorang ibu yang mendendangkan anak kerana tak ada makanan. Beginilah pemimpin yang saya rasa kalaulah Menteri-menteri kita di sini pergi kepada rakyat yang telah bersawah padi, tanggal kasut dan bekerjasama sekali, saya ingat dia dijunjung oleh rakyat dengan penuh kasih sayang.

Saya tidak menyeru sampai begitu tetapi yang saya mahu ialah Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai Daerah, Setiausaha Kerajaan, siapa juga Ketua-ketua Kerajaan pergilah sekali secara rakyat biasa kalau benar-benar hendak gembeling kemajuan dan pertumbuhan negara kita ini hendak dijalankan benar-benar. Biasanya orang jaga kepala keretapi mesti menjaga betul, baru keretapi belakang berjalan dengan baik, kalau kepala drebar jalan tak betul, keretapi selalu jatuh dan membahayakan.

Dalam negara kita ini saya rasa ini benda yang harus direvolusikan, iaitu siapa juga pemimpin, siapa juga pegawai-pegawai besar, dia bersama rakyat sekali, sebagaimana kata Yang Berhormat sahabat saya tadi kita buat analisa, banyak berguna, tetapi sayang Menteri tak ada, kerusi-kerusi Menteri kosong sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Cakap-cakap Ahli Senate hanya bertutur kepada kerusi-kerusi Menteri yang kosong. Saya harap Menteri-menteri kita masa akan datang hadir apabila ada Ahli Dewan Negara ini, bukanlah ahli-ahli ini semuanya professional, orang yang ternama, tetapi orang tua ada pengalaman sedikit sebanyak seperti kata pepatah: dahulu makan garam. Jadi, ada gunanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sampai masanya kita buat revolusi, bukan daripada bawah tetapi daripada atas juga supaya benar-benar menjadi kenyataan Malaysia membangun di masa akan datang dan Tuhan akan memberi restu, pertolongan kepada hambanya yang mahu mengubah nasibnya. Bukan orang di bawah kita seru berubah tetapi orang atas juga yang selamanya bukan sahaja motokar yang mengibar bendera tetapi kadang-kadang naiklah motokar kecil

ataupun kadang-kadang naik basikal sebagaimana Nehru, kadang-kadang dia naik basikal berjalan ke kampung-kampung melihat rakyat. Kalaulah pemimpin kita buat macam itu, bandar Kuala Lumpur yang sebok akan jadi balik tenteram. Kalau ada banyak Menteri atau Pembesar-pembesar Kerajaan dalam Kuala Lumpur ini pakai basikal, tidak usah lama—sebulan sudah, tenteram, aman bandar Kuala Lumpur yang sebok sekarang tetapi semua mahu motokar besar, mana hendak pakai basikal.

Kita selalu menyuruh rakyat supaya jaga semua ini tetapi kita sendiri tak buat. Saya rasa banyak pegawai-pegawai kita boleh revolusikan dalam negeri ini, banyak pegawai-pegawai bukan daripada bawah sahaja supaya seluruh orang kampung bangun, berdedikasi, bekerja kuat sedangkan kita di atas bagaimana? Ada pegawai-pegawai datang ke office duduk sejam sahaja, kadang-kadang dia keluar, dia kata dia melawat sana, melawat sini. Kita tak tahu dia pergi ke mana. Kadang-kadang orang kampung pergi ke officenya tidak boleh bercakap, dia bersimbang-simbang dengan kawan-kawannya, tak boleh berjumpa, bagaimana pembangunan kita boleh corakkan?

Saya bercakap dalam Dewan ini satu kenyataan, saya boleh challenge di luar Dewan, kalau orang hendak saman, saya bersedia, sebab apa saya takut, di kiri-kanan kita ada penulis yang sebenar, Tuhan tahu apa yang kita kata betul mesti kita katakan betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulang balik, Menteri Penyelarasan apa yang saya katakan dua tahun dahulu saya perkatakan juga tahun ini, secepat kilat mesti diadakan di dalam Kabinet kita supaya semua penyelarasan, semua rancangan, semua pembangunan sebagai satu torchlight yang boleh menyuluh seluruh pelusuk kampung. Saya tidak menyebutkan seluruh kota dan seluruh daerah, seluruh ibu kota, tetapi saya hendak sebutkan seluruh kampung di tanahair kita ini supaya sekarang kita mendapat pembangunan ke seluruh kampung ini, bukan di kota sahaja. Kota ini sudah dibangunkan, tak perlu lagi dihebohkan, saya rasa tak

perlu, yang perlu seluruh kampung dalam Malaysia, semua bangsa yang miskin perlu kita bantu.

Semalam ada sahabat saya menyebut, saya terpaksa sebutkan, dia kata ada pemimpin-pemimpin kita dalam Dewan ini selalu sebut macam perkauman. Saya sukalah memberitahu sahabat saya itu, termasuk diri saya, bila saya memperkatakan anak bumi, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perkauman. Anak bumi ialah anak negara, anak yang dilahirkan dalam bumi ini, serupa juga anak bumi di seluruh dunia yang lain, serupa juga anak bumi di Australia, serupa juga anak bumi di Indonesia, serupa juga anak bumi negeri Cina, serupa juga anak bumi negeri India, itu adalah tanah lahirnya. Anak bumi itu ada hak dia bercakap, itu bukan sentimen dan bukan perkauman, diwajibkan dia bercakap, baik di segi undang-undang ataupun segi ugama kita, diwajibkan dia bercakap, sebab hubungan watan dengan iman. Sayang kepada tanahair ini satu daripada iman, betulkah Tuan Yang di-Pertua?

Saya hendak menerangkan kepada sahabat saya itu dia harus tarik balik. Kalaulah anak bumi bercakap memang dalam Perlembagaan pun ada hak-hak bumi diakui. Jadi saya menyeru, saya kata tadi, torchlightkan ke seluruh kampung, beribu kampung, saya lupa berapa ribu kampung ada dalam Malaysia ini, di sana matlamat kita sekarang. Pusat kita di pentadbiran Menteri Penyelarasan ini menyuluh ke seluruh kampung. Jangan ada kampung itu naik, kampung ini terbiar, kampung negeri itu naik berapa pun boleh ditimbunkan di sana, kampung negeri ini terbiar. Itu tidak ada penyelarasan namanya, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab saya katakan perlu ada Menteri Penyelarasan. Desas-desus memang ada kenyataan, ada kampung yang sungguh terbiar, tetapi ada kampung yang cerah benderang dan semua diikuti dengan ini, tidak dapat dinafikan. Sebab itu sampai masanya seorang Menteri Penyelarasan yang boleh menyuluh ke seluruh kampung dibangunkan kesemuanya, termasuk rakyat miskin, tidak kira dia daripada keturunan Cina, India, Melayu, siapa pun kita mesti bantu sekarang. Sebabnya ada 10 perkara di antara Kerajaan-kerajaan yang baik dalam

dunia ini yang mesti ada tetapi saya hendak sebutkan 3 sahaja: makanan cukup, pelajaran mesti ada dan pakaian mesti ada. Jadi sebuah negara itu ada 3 perkara ini pun negeri itu tenteram. Sebab itu saya katakan, ulang balik, ada kampung-kampung yang terbiar macam itu yang hidupnya merana, menderita, ini mestilah kita ambil berat dan kita suluh supaya adil diselaraskan kesemuanya sekali, barulah bererti pembangunan kita yang sebenar-sebenarnya diterima oleh peri kemanusiaan, diterima oleh negara yang moden dan diterima oleh Tuhan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak sebut kerana saya selalu bercakap bagaimanakah hendak memajukan seluruh kampung. Saya hendak sebut ada yang penting—umbinya, adapun tercatat dalam ini. Yang paling penting sekali bagi Kerajaan sekarang ialah kita mesti berbalik kepada apa yang saya cakapkan tadi ada 3 perkara, iaitu cukup makan. Pertanian negara kita yang sebenarnya sudah mundur, kalau ada Menteri yang berkenaan pun saya sanggup bercakap kepadanya. Pertanian kita walaupun dalam masa yang akhir ini ada beberapa perkara yang dimajukan tetapi yang sebenarnya kita banyak kemunduran sehingga saya rasa tak kurang ratusan ribu ekar tanah yang terbiar, yang dahulunya persawahan sekarang sudah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Malaysia berapa pun makmurnya, berapa pun kayanya, kalau kita terpaksa import makanan kita daripada luar negeri kita jadi negeri kelas dua, negeri yang meminta-minta namanya. Sebab itu perlu pertanian dalam Malaysia ini dalam masa 5 tahun ini, Menteri Pertanian khasnya mengambil ingatan supaya seluruh tanah pertanian ini dikerjakan semula, biar pun Belanjawan ini ditambah.

Saya catatkan di muka surat 9, para 15 report daripada Kementerian Kewangan berbunyi:

“Jumlah \$4,775 juta akan ditentukan di bawah sektor ekonomi bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah itu \$3,797 adalah di-untukkan di bawah Anggaran Pembangunan terutamanya mengadakan projek-projek untuk membasmi kemiskinan.

Dalam hal ini projek-projek untuk pertanian akan diberi keutamaan yang tinggi”.

Sudah pun masuk dalam bab 15 kenyataan Menteri Kewangan. Saya suka hendak menyebutkan daripada jumlah yang demikian ini, dalam para 16 disebutkan:

\$2,016 juta adalah peruntukan bagi sektor pertanian untuk “Anggaran Mengurus dan Membangun”.

Ada disebut di situ, para 16, \$2,016 juta.

“Anggaran Pembangunan sebanyak \$1,331 juta termasuk \$696 juta untuk pembangunan tanah dan \$294 juta untuk projek parit dan taliair bagi menyediakan lebih banyak kawasan bercucuk tanam terutama tanaman untuk eksport seperti getah, kelapa sawit dan koko iaitu selain daripada padi”.

Saya menyebutkan perbelanjaan yang diutangkan di bawah sektor ekonomi \$4,775 juta ini yang pentingnya hendaklah dibuat keseluruhannya bagi pertanian supaya dalam masa lima tahun—ini bukan angan-angan, tetapi kenyataan, dalam masa lima tahun ini seluruh tanah kita yang terbiar dan padi kita yang tidak cukup memberi hasil sebagaimana yang kita maksudkan akan dapat kita proofkan dalam masa lima tahun kalau diusahakan daripada tahun-tahun sekarang, kita akan menjadikan negeri kita sebuah negeri pertanian yang menjamin makanan rakyat cukup dan kita tidak perlu import daripada mana-mana negeri luar. Pada masa itu barulah ada satu kekuatan yang betul-betul dinamis dalam negeri ini sebab sebagai syarat sebuah Kerajaan yang baik cukup makan bagi rakyat negerinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah saya majukan permohonan saya kepada Kementerian yang berkenaan dalam pembangunan Malaysia mengikut Belanjawan 1981 ini supaya dititikberatkan dengan sungguh-sungguh dalam pertanian dalam masa lima tahun ini supaya kita dapat menjaminkan, kita tidak payah minta bantuan makanan daripada luar.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau diikuti dari rencana ini, kalau

diusahakan beratus ribu ekar tanah yang terbiar ini, saya yakin Malaysia akan cukup makan tidak payah dibantu daripada luar. Dengan sendirinya negeri kita sebuah negeri yang gagah perkasa, bukan teori. Apa kata kita sekarang? Cakap sahaja besar tetapi semuanya datang daripada negeri luar, makanan datang daripada luar, gula datang daripada luar, buat perusahaan gula dalam negeri ini bankrap \$27 juta, \$28 juta, \$38 juta, fasal apa? Ini penyelewengan namanya. Mengapa? Tidakkah ada pakarnya, tidakkah ada penyelarasnya, tidakkah ada orang membuat analisa, mengapa rugi sampai \$38 juta, mengapa rugi sampai \$28 juta? Saya tidak payah sebut. Setakat ini berapa juta penyelewengan semacam ini. Seperti saya kata tadi penyelarasan kita tidak ada. Saya yakin beberapa perkara lagi, penyelewengan dan kerugian kepada Kerajaan akan berlaku dalam tanahair kita ini.

Kalau kita buat sekarang, terutama saya titikberatkan kepada persawahan padi, kita makan cukup, gula kita juga cukup, kalau berani. Masih banyak tanah dalam Malaysia ini yang boleh kita tanam gula. Saya tahu mengikut ilmu tanam-tanaman ada tempat tidak layak ditanam gula dan ada tempat yang boleh ditanam gula tetapi ada pakar-pakar tanah yang mengatakan ada beberapa tempat yang layak ditanam gula di Malaysia, boleh menjamin dan kita tidak payah bimbang fasal gula, sekadarkan kita tidak membuat usaha sungguh-sungguh, Kementerian yang berkenaan saya ingat hanya setengah-tengahnya sahaja memikirkan perkara ini, tidak secara menyeluruh.

Sekiranya diambil pakar-pakar luar, makanan kita cukup, gula kita cukup, sayur kita cukup. Ini yang penting sekali, bukan hendak import Mercedes yang memenuhi pekan-pekan dalam negeri ini. Itu soal lain. Soal yang paling penting bagi rakyat di seluruh negara ini cukup makan, cukup apa yang diperlukan hari-hari.

Sekarang kita dengar rakyat kampung—saya sendiri dengar, dia datang kepada saya, tidak kurang daripada 30-40 orang rakyat mengatakan dia tidak dapat gula. Sudah 2-3 hari ini tidak dapat gula. Saya kata, mana

boleh tidak dapat? Pergilah ke tempat gula itu, jumpa Tuan D. O.. Kalau tidak dapat juga jumpa saya sekali lagi. Saya kata, saya tidak pernah takut, saya boleh jumpa sesiapa sahaja.

Masalah, Tuan Yang Dipertua, kita 5-15 tahun dahulu tidak ingat hal ini semua, tidak ingat perkara yang penting dalam negara kita, makanan cukup, benda-benda yang perlu ini mesti diutamakan. Saya berharap Menteri-menteri terutama Menteri yang bersabit—bukan sahaja Menteri yang bersabit keseluruhan Kabinet supaya memikirkan perkara yang paling serius ini yakni memberi jaminan dalam masa lima tahun ini kita cukup makan, maka dengan sendirinya komunis dalam negeri kita hapus.

Selain daripada agama, agama Islam tidak membenarkan komunis datang, langkah mayat kita dahulu sampai titisan darah yang akhir barulah komunis hendak datang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, makanan hendaklah cukup. Kalau seluruh kampung dalam tanahair kita cukup makan, rakyat kita cukup makan, boleh pakai, pelajaran kita pun cukup, sesiapa pun boleh masuk sekolah, terjamin keamanan dalam negeri kita ini. Saya harap Kabinet atau Menteri-menteri yang berkenaan memikirkan secara serius berkenaan apa yang saya sebut tadi, penyelarasan paling penting. Makanan perlu diberi, makanan ini sangat mustahak, Menteri-menteri boleh memilih pakar-pakar, memilih pegawai-pegawai Kerajaan yang kanan, yang dinamis, yang sungguh-sungguh mahu bekerja dan kita revolusikan seluruh pegawai-pegawai juga Menteri-menteri kita supaya mereka betul-betul berdiri di tengah-tengah rakyat, bersama-sama rakyat, bersusah payah bersama rakyat yang sebenar, mengambil hati, tidak payah kita cakap seribu kempen, kalau sekali kita pergi ke tempat rakyat yang miskin, kita bercampur gaul dengannya kadang-kadang kita bersama-sama menebas sedikit-sedikit, dua tiga tebas cukup; itu sudah cukup menarik hati mereka supaya mereka bekerja bersungguh-sungguh.

Sebagaimana kata Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim tadi saya juga

bersetuju, bukan melawat secara mengejut; sentiasa melawat dengan tidak secara rasmi. Rasmi hendak beritahu dahulu. Apalah guna secara rasmi selalu, Allah s.w.t. pun tidak ada secara rasmi berjumpa kita. Dia tulis sahaja Quran disuruh ikut. Datang sekali-sekali bercampur mereka, mereka akan ikut.

Misalnya, pegawai-pegawai Kerajaan, sama ada Ketua Jabatan Menteri sendiri pergi sekali-sekali, jangan diberi tahu kepada orang kampung—terkejut, mereka mesti menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh.

Sekarang tidak dapat dinafikan pegawai-pegawai kita tidak dedikasi—sebahagian sahaja tetapi sebahagian tidak ada dedikasi bersebang-sembang dalam pejabat. Maaf, saya bukan mengatakan semua—yang datang ini semuanya yang baik-baik, ini memang saya puji, tetapi yang tidak datang, yang lain-lain itupun bukan semua. ini penting. Jentera pentadbiran negara, pegawai-pegawai kita ini kalau mereka sungguh-sungguh memenuhi kewajipan, percaya diri kepada Allah s.w.t. tiap-tiap satu yang dibuat dengan sungguh-sungguh, kerja yang diselaraskan itu mendapat pahala, mendapat akuan dan keampunan tuhan, mendapat rahmat, saya yakin semuanya akan penuh dedikasi. Tetapi kalau dia sahaja kerja kuat, seorang kawan itu mengatakan: pergilah, mengampu, ada juga yang bercakap macam itu. Ya atau tidak pegawai-pegawai ini? Ada setengah pegawai itu betul-betul hendak bekerja kuat, ada pula setengahnya; pergilah, mengampu. Ada juga yang seperti itu. Jadi orang yang seperti ini kita hendak revolusikan supaya semua pegawai-pegawai kita bertanggungjawab dan bekerjasama dengan Menteri-menteri, pemimpin-pemimpin kita. Saya yakin kita akan menerima perubahan yang besar dalam negeri kita menuju pembangunan yang sebenar-benarnya. Itulah saya rasa perkara yang penting yang harus kita tujukan dan fikirkan bersama berkenaan dengan pembangunan negara kita ini yang kita kehendaki pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya hendak bercakap walaupun ada disebut sahabat saya tadi saya hendak sebut

lagi perkara itu ialah Bahasa Jiwa Bangsa. Kalimat inilah yang kita perlukan, kita menentang penjajah yang mendewakan bahasa Inggeris dan orang yang sangat suka mendewakan bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak marah tetapi sampai mendewakan tidak patut. Kalau tidak bercakap bahasa Inggeris tak puas, dia rasa kurang "setail". Itu penyakit yang sangat bahaya padahal semua bangsa dalam dunia mengakui bahasanya sendiri, dia rasa bangga dia dilahirkan dengan bangsanya dan dengan bahasanya sendiri.

Jadi dalam Kerajaan kita, Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai Kerajaan yang menyeleweng perkara ini, ada yang menulis dalam Bahasa Inggeris lagi, tidak mahu tulis Bahasa Kebangsaan padahal Bahasa Rasmi kita ialah Bahasa Malaysia tetapi mereka bercakap bahasa Inggeris lagi, menulis dalam bahasa Inggeris dia bercakap lagi dengan seorang kawan itu walaupun ada bangsa dia sendiri ramai dia bercakap bahasa Inggeris. Saya amat terkejut. Masalah mendewakan bahasa Inggeris ini hendaklah direvolusikan sehinggakan dalam pejabat ada ketua-ketua pejabat yang tak pedulikan sangat hal itu, padahal dia lupa Bahasa Jiwa Bangsa, bahasalah mengenalkan identiti seseorang itu. Kalau dia sendiri tidak menghormati bahasanya, dia sendiri tak hendak menggunakan tulisannya, dia sendiri tak percaya kepada bahasa dan tulisan bangsanya sendiri, siapa lagi boleh diharapkan hendak percayakan bahasanya sendiri, Tuan Yang di-Pertua? Kalau pegawai Kerajaan, baik pegawai undang-undang, baik apa dia kata tak boleh dipakai Bahasa Malaysia, dia lupa Bahasa Malaysia digunakan oleh 200 juta manusia dalam masa yang singkat. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, tak payah jauh, dalam masa 15 tahun atau 20 tahun Bahasa Malaysia akan menjadi satu bahasa antarabangsa di dunia dan diperkatakan di seluruh Lautan Teduh dan di seluruh dunia. Ini tidak dapat dinafikan, tetapi saya amat kesal pegawai-pegawai, baik Pak Menteri pun ada yang bercakap bahasa Inggeris sahaja sehingga dia lupa bahasa ibundanya.

Orang-orang dalam dunia yang bertamaddun, Tuan Yang di-Pertua, macam

orang Jepun dia bangga bahasa dia sendiri. Ohaiyo gozaimas, arigoto gozaimas, botaze masdek. Tetapi bangsa kita tidak, lain pula sikapnya, tetapi saya tidak hendak mengatakan seseorang, sebab mengata itu akan ditulis oleh Malaikat di sebelah kiri saya, dia kata awak mengumpat orang. Saya tidak mengumpat, tetapi saya menyebut hak yang benar. Ini mendaulatkan bahasa, Bahasa Jiwa Bangsa, daripada bahasa menunjukkan bangsa. Haruslah direvolusikan kepada seluruh pegawai Kerajaan. Pak Menteri sampailah kepada pembesar-pembesar di semua peringkat mesti faham supaya dia rasa malu di masa hadapan dia tidak menjiwai bahasa dia sendiri, tidak menjiwai tulisannya sendiri, tidak menjiwai bacaannya sendiri, tetapi menjiwai bahasa orang lain, bahasa penjajah pula. Tak pedulikan walaupun dikatakan bahasa Inggeris bahasa internasional, konon. Itu soal lain. Kita sekarang mahu tunjuk identiti bangsa kita sendiri, kita mahu tunjuk bahasa kita sendiri, tulisan kita sendiri, keupayaan ibunda kita, pesaka zaman berzaman selagi dunia berkembang, biar ribut datang, taufan datang, angin datang kita tetap tegak sebagai batu karang mempertahankan Bahasa Kebangsaan kita, bahasa ibunda kita Bahasa Malaysia. Tetapi yang saya amat kesalkan sampai sekarang tulisan ini tidak dipakai, banyak yang menyeleweng, bercakap biasa pun banyak yang tak mahu bercakap dalam bahasa ibundanya sendiri. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua pegawai Kementerian supaya menrevolusikan termasuk dirinya sendiri supaya memperkuat Bahasa Malaysia yang sudah dirasmikan oleh negara, langit tempat dinaungi dan bumi tempat dipijak, semua Menteri dan semua pegawai supaya mengubah ini dengan seberapa cepat termasuk ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Senate janganlah tidak menjiwai kepada bahasa kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak serukan, terutama dalam Kementerian Undang-undang atau pakar-pakar kedokteran jurutera dan sebagainya supaya mengubah sikap dan revolusi-mentalkan yang tak percaya kepada bahasanya sendiri, kepada tulisannya sendiri itu ubah cepat, sebab mereka akan mendapat

bala daripada Tuhan, seorang yang tidak percaya kepada dirinya sendiri atau bahasa dia sendiri. Bukan sahaja bala daripada Tuhan, rakyat dia sendiri marah kepada orang yang macam itu. Dia boleh juga berbahasa Inggeris, dan memang digalakkan dan saya tidak menghalang. Apa yang saya sebut ini tidak menghalang, bahkan semua anak-anak kita disuruh belajar bahasa asing, bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa India, bahasa apa juga, memang disuruh belajar tetapi bukan ertinya meninggalkan daripada menjiwai bahasa dan tulisan bangsanya sendiri, apa lagi bahasa yang telah diakui oleh Perlembagaan negara kita ini. Oleh sebab itu, Menteri-menteri yang masih lagi tidur atau masih lagi takut hendak mendaulatkan bahasanya, saya rasa lebih baik dia perlahan-lahan undur daripada jawatannya sebab semua rakyat berdoa kepada Tuhan supaya Bahasa Kebangsaan dijiwai mengikut apa yang diperjuangkan semasa mereka menentang penjajah dahulu untuk mendaulatkan Bahasa Jiwa Bangsa.

Saya ulang balik, kalau ada lagi petualang yang macam ini supaya mereka undurlah diri, beri orang lain naik, sebab patah tumbuh hilang berganti, tidak ada seorang yang kekal dalam dunia ini, baik Menteri, baik pemimpin, baik siapa pun. Dia bertukar ganti, jangan sangka kalau kita tak ada, tak ada orang lain boleh ganti, tetapi mesti ada, tetapi saya minta maaf saya bercakap ini bukan saya suruh Menteri-menteri berhenti. Saya suruh mereka berusaha mendaulatkan apa yang telah didaulatkan dalam Perlembagaan kita sendiri. Kalau Perlembagaan kita sendiri kita koyak-koyak kita tolak, pergilah, serupa juga ada di antara rakyat negeri ini cuba menodai agama Islam dan hendak hancurkan Perlembagaan dan Rukunegara kita. Apakah nama orang ini? Pergilah ke negeri lain, negeri yang bukan beragama Islam.

Ini saya bercakap terus terang, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak susah hati, pergilah kita pun tak pernah merendahkan agama lain kerana agama Islam kita tak pernah menghalang agama lain, berapa banyak pertumbuhan gereja, berapa banyak rumah agama Buddha, Hindu dan sebagainya dibenarkan sehingga di tepi jalan pun ada kuil agama mereka, sampai macam itu baik kita

ini, sehingga ada setengah gunung itu sampai ke atas penuh patung agama mereka, tak pernah kita tegur, padahal negeri ini negeri kita. Kita boleh juga objek, kenapa ini sampai kaki gunung dan di atas gunung penuh patung mereka? Ini sebagai misal sahaja tak pernah saya sebut, tetapi saya sebut ini sebab sudah dibuat perkara macam ini, saya hendak sebut pada orang macam itu kerana kita tidak layan, barangkali kita penuh demokrasi. Carilah negeri lain mana orang yang tak suka agama kita, pergilah dia cari negara yang dia suka yang tidak menyentuh agama kami, kami tidak izinkan perkara macam ini berlaku lagi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan bahasa tadi saya kuncikan perkataan saya mulai tahun ini, 5 tahun yang akan datang (1981-1985) saya yakin sebagaimana saya katakan tadi kalau orang itu percaya terhadap negerinya, bahasanya, adat istiadatnya dan dalam Perlembagaan negerinya yang telah dikanunkan, kalau dia yakin tak usah 5 tahun, tetapi mulai Januari sampai Disember, 1981 dia boleh daulatkan bahasanya dalam pejabatnya, dalam Kementeriannya, tak ada satu perkataan yang melarang dia mendaulatkan bahasanya berdasarkan Perlembagaan. Saya hendak beritahu kepada Menteri-menteri kalau dia hendak cakap mana dia hujahnya, tak ada satu dalam Perlembagaan kita mengatakan nanti lagi 10 tahun, nanti lagi 15 tahun baru mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Tak ada. Sekarang pun dia boleh jalankan dan memang pun boleh dijalankan sekadar mahu atau tidak. Macam saya katakan tadi dia tidak mengerti apakah makna kata-kata keramat kita Bahasa Jiwa Bangsa, hidup bahasa hiduplah bangsa.

Saya tak hendak istilahkan lagi, cukuplah sekadar itu. Jadi saya harap Menteri-menteri kita dan semua pegawai-pegawai wakil kementerian kita memberitahu Yang Berhormat Pak-pak Menteri masing-masing supaya menjalankan apa yang didaulatkan dalam Perlembagaan kita, jangan diketepikan Perlembagaan ini. Perlembagaan mengatakan Bahasa Rasmi mesti dipakai. Pakailah jangan tunggu sebentar, nanti jadi macam cerita Serindit. Seorang ibu mengatakan kepada anaknya, pergilah

tangkap Serindit itu. Anaknya mengatakan nantilah, apa gaduh, tak apa beri bebas sedikit pun tak apa. Tiba-tiba kucing datang, habis mati Serindit itu. Apa hendak ditangiskan lagi nasi sudah menjadi bubur. Jadi begitu juga bahasa kita sampai sekarang tidak berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya, saya sebagai seorang pejuang Bahasa Jiwa Bangsa mulai daripada dahulu sampai sekarang, saya penuh yakin Bahasa Malaysia boleh didaulatkan bukan sahaja sekarang, tetapi sejak kita mencapai merdeka boleh dijalankan dalam semua peringkat, hanya orang yang lemah iman, orang yang lemah semangat, orang yang tak faham apa itu Bahasa Jiwa Bangsa dan hidup bahasa hidup bangsa tak faham. Itulah sahaja orang yang mengatakan tak boleh. Jadi saya harap, Tuan Yang di-Pertua, dalam semua pejabat, dalam semua Kementerian mulai hari ini beranilah mengakui Bahasa Jiwa Bangsa dan hidup bahasa hiduplah bangsa. Kalau dia hendak sebaliknya, saya tak tahulah, Tuan Yang di-Pertua, eloklah dia mengundurkan diri dengan hormat, dengan doa restu dan kirkiran kita menulis dosa banyak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah bercakap berkenaan dengan bahasa, kemudian saya hendak bercakap mengenai ahli-ahli diplomatik kita iaitu Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan termasuk juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Menteri Pertahanan, ini adalah tiga Menteri yang penting yang hendak menjaga keselamatan negeri kita. Ini adalah perkara yang kita pandang serius ditambah pula kirkiran negeri kita ini ada bahang-bahang menyala komunis yang sentiasa mengangganganga hendak telan Malaysia yang makmur ini dan memang idamannya bukan baru.

Kalau kita baca Sejarah Perjuangan Asia, memang dari dahulu lagi komunis hendak mencengkam Malaysia dan memang dari lama yang ia bercita-cita hendak menangkap negeri Malaysia masuk ke dalam tangannya. Jadi kalau kita lupa mereka ini, ini adalah satu perkara yang paling silap, dan tiga Kementerian yang saya sebutkan tadi ini adalah penting-penting belaka supaya dia

sedar. Saya juga mengetahui mereka ini sedar kerana mereka bukan sebarang orang, Menteri-menteri yang pakar, penuh pengalaman, sayangkan bangsa dan negaranya sendiri. Jadi sebagai seorang Ahli Dewan ini, saya hendak mengingatkan bahaya-bahaya komunis ini yang ingin mencengkam negeri kita ini tidak dapat dinafikan dari semasa ke semasa dari puluhan tahun dahulu, daripada zaman penjajah lagi kita memang ditenang-tenang oleh komunis hendak dijadikan jajahan takluknya iaini Malaysia yang makmur.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu negeri kita ini adalah negeri yang mempunyai khazanah banyak, hutannya, gunungnya, airnya, lautnya, semuanya mengeluarkan khazanah yang tidak ternilai. Dengan sebab itu memang menjadi cita-cita komunis dan saya tidak payah sebut negeri-negeri komunis—memang komunis di mana pun ia akan hendakkan negeri macam negeri kita ini kalau dapat ditaklukinya. Jadi apa yang dibuat oleh ASEAN iaitu persatuan lima buah negara kecil, negeri ASEAN ini bukannya besar, kecuali Indonesia besar sedikit dan ia mempunyai penduduk seramai 130 juta orang, negeri kita hanya mempunyai 13 juta, Singapura 2 juta, Thailand 25 juta dan Filipina 27 juta. Jadi kalau dijumlahkan barangkali semua sekali hanya 200 juta atau lebih sedikit. Manusia-manusia yang seramai 200 juta ini buat satu kumpulan, ini macam cerita sang kancil juga, 200 juta ini daripada lima buah negara membuat satu kumpulan dan dinamakan ASEAN, tujuannya baik, sebab kalau berkumpul ramai dalam 200 juta itu lain sedikit. Penduduk Malaysia hanya 13 juta orang sahaja jadi kekuatan kita seperti yang kita tahu hanya terhad, semuanya terhad dan kalau komunis datang dari laut timur pun kita tidak boleh kawal, apalagi dari tempat lain. Saya rasa kekuatan kita tidak begitu cukup, bukan saya menafikan penjagaan yang rapi daripada Kementerianya, tetapi sebab besar, luas dan kekurangan pegawai-pengawal yang sangat terhad seperti yang saya katakan tadi, sebab kapal laut kita tidak banyak dan kita mesti mengaku, tentera kita dan senjata-senjata kita tidak banyak seperti negeri-negeri besar. Jadi masih banyak kekurangan, ini

menunjukkan kepada kita yang haruslah lebih berwaspada.

Saya juga telah menyeru pada masa dua tahun dahulu supaya ditambah askar-askar kita, sukarelawan kita tiap-tiap kampung dan di seluruh kampung diadakan, ditambah senjata kita, biar kita rugi wang, ini tidak apa, sebab kalau tidak ada kekuatan, penjagaan rapi daripada diri kita sendiri, kita adalah ketinggalan namanya. Dengan sebab itu saya rasa ASEAN kita boleh pujilah kerana Kerajaan kita dan Menteri-menteri kita telah menubuhkan ASEAN ini adalah satu langkah yang sangat baik untuk mempertahankan lima negara yang saya rasa mempunyai tidak lebih daripada 200 juta manusia di kawasan kita ini.

Sekiranya kita baca sejarah dunia pada hari ini, kita sedar di dalam perkara ini dan saya hendak sebut mengenai satu perkara iaitu mengenai senjata nuklear yang menjadi syaffan-saffa di dunia kita seluruhnya. Jadi kita berkehendakkan ahli diplomat kita ASEAN dan kita adalah bernasib baik sedikit, sebab ASEAN ini dapat mempengaruhi terutama seperti negara kita dengan Singapura ada negara-negara Komanwel yang kita menjadi ahli di dalamnya, kemudian kita menjadi anggota negara-negara Islam dan dengan ini kita telah berdekatan dengan negara-negara Arab dan negara-negara Islam.

Saya harap kekuatan perhubungan dengan negara-negara lain seberapa banyak yang mahu mestilah dirapikan, dieratkan, diperkuatkan lagi seperti kata orang Latin: Suara ramai itu ialah suara Tuhan. Maknanya apabila kita sudah kuat, ramai bersatu, susah sedikit musuh-musuh kita hendak menjatuhkan kita. Jadi saya berharap semua Menteri terutama Menteri Luar Negeri kita dan diplomat-diplomat kita yang kita hantar ke seluruh negara yang berkenaan supaya bekerja dengan licin, biarlah kadangkala jadi belut kecil, tetapi licin, biar kadangkala kecil negeri kita tetapi kita jadi kancil, bijaksana, kita hendak harimau atau singa menganganganga tidak ada, sebab negeri kita kecil, orang ketawa. Tetapi saya hendak syorkan supaya ahli-ahli diplomatik kita yang kita hantar seluruh dunia supaya memainkan

peranan yang penting, mengikat persahabatan, menjamin, memperkuatkan keamatan ASEAN Komanwel, atau ikatan negara-negara Islam kita seluruh dunia ini supaya tambah kuat lagi mencantumkan diri sebagai ikatan yang kuat terutama negara Malaysia di sisi negara-negara yang bercantum dalam dunia supaya sekurang-kurangnya kita dapat sokongan moral, sokongan kekuatan secara serampang dua mata. Kalau kita tidak menghantar apa-apa atau sesuatu yang penting, tetapi yang kurang penting pun ia boleh menolong dan ini akan menambahkan lagi kekuatan dan mempertahankan negeri kita ini daripada serangan-serangan mengejut daripada bahaya-bahaya komunis dunia yang hendak menakluki kita.

Saya suka menarik perhatian Dewan ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga mungkin setuju dengan saya bahawa kuasa dunia yang memegang nuklear hanya dua sahaja dalam dunia ini iaitu Russia dan Amerika, kedua-dua negara ini memang kuat dan kita sedar nuklear ini kalau dijalankan senjata ini syaffan-saffa dalam negeri ini, manusia seorang demi seorang gugur, dia mesti mati dan tidak akan hidup lagi dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita silap sedikit dalam tahun 1970an, sebab pada masa itu Presiden Nixon dengan Presiden Brezhnev telah membuat perjanjian supaya menghadkan kuasa nuklear ini di antara dua negara jangan ditambah-tambah. Tetapi dengan Kerajaan baru Amerika seperti yang kita tahu seorang yang lebih progresif, dan apabila Russia pergi melanggar Afghanistan secara tidak langsung ini, saya rasa jangkitan bahaya-bahaya komunis dan bahaya-bahaya akan menimpa dunia khususnya negeri kita. Jadi haruslah kita sedari hakikat yang nyata ini dan kita bersedia menjalankan secara diplomasi kita kepada negara-negara seperti yang saya sebutkan tadi. Kalau perlu menambah lagi Menteri Luar Negeri supaya membuat ikatan yang kuat lagi dengan kuasa-kuasa yang berkenaan demi menjaga keutuhan dan keselamatan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian

Pertahanan, saya mengalu-alukan 13% wang belanjawan tahun 1981 hendak ditambah bagi menguatkan tentera. Jadi saya mahu tentera darat, laut, udara dan tanahair kita ini dikawal dengan rapi, diberi senjata-senjata yang moden, kapal terbang-kapal terbang yang baru, jangan takut—beli, sebab semua Kerajaan dalam dunia yang kuat, kalau kita baca Sejarah Dunia jatuhnya Masir dahulu adalah dengan membeli senjata second-hand Tan Sri Jeneral sebagai seorang tentera, dia tahu strategi tentera kerana senjata second-hand ini paling bahaya, kita jangan ulang Sejarah Dunia, banyak negeri-negeri kalau kita baca dalam Sejarah Dunia jatuh salah satu sebabnya ialah senjata tenteranya—lemah semangat, tembak pun peluru tidak masuk, misalnya, senjata negeri lain boleh tembak sejauh tiga batu, tetapi kita hanya 300 ela sahaja.

Saya syorkan kepada Menteri Pertahanan supaya membeli senjata-senjata yang moden dan lengkap. Singapura kecil tetapi bukan alang kepalang, 3 hari dia mengajar tenteranya. Mereka pandai, negeri mana pun dalam dunia suruh tiru, yang baik kita tiru, yang busuk tidak usah tiru. Pertahanan negara-negara yang kuat kita tiru, kita pun boleh ambil negeri mana yang kuat-kuat, boleh latih tentera kita dan kita beli senjata yang moden dari Jerman atau dari mana-mana negeri yang lebih kuat lagi, bukan dari Amerika sahaja, supaya Kementerian Pertahanan menambah kekebalan dan kekuatan laut, darat dan udara tanahair kita ini. Kita tambah dengan kekuatan yang sepadanan dengan hasil petroleum kita yang diberi oleh Tuhan. Tuhan memberi kita itu ada sebab musababnya, kita sahaja yang tidak nampak. Ada pertolongan-pertolongan yang nyata hendak diberi kepada kita, sekarang dia uji kita adakah kita buat yang betul atau kita selewengkan. Kalau kita selewengkan alamat kita akan jatuh.

Saya teringat apa kata Dr Mohd. Iqbal, seorang falsafah Islam yang masyhur. Orang-orang Islam kalau dia tidak mahu jaga diri sendiri, tidak mahu bersatu, tidak mahu jauh memandang ke hadapan, walau di negeri lahirnya Nabi Muhammad (s.a.w.) sekalipun negeri dan bangsa itu akan jatuh. Jadi negeri kita Malaysia pun kalau rakyat kita sendiri

tidak bersatu, kita tidak mahu mengikut kekuatan yang nyata dalam pertahanan kita, kita akan jatuh.

Saya harap Menteri Pertahanan menambah lagi dan Menteri Kewangan bermurah hati lagi, kalau perlu ditambah 13% lagi bagi kekuatan ini biar benar-benar kita ini memberi keyakinan kita bersedia menghadapi musuh. Kadangkala kita baca sejarah perjuangan, yang besar-besar dalam dunia tentera Islam seramai 1,000 orang boleh melawan tentera yang 10,000 orang. Kalau jiwanya penuh ketabahan, jiwanya penuh iman mempertahankan tanahairnya hingga ke titisan darah yang penghabisan tetapi bukan peluru yakni dengan senjata yang moden, dengan kekuatan-kekuatan pertahanan yang complete kita boleh menentang musuh-musuh kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap pula mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kadangkala kita berfikir negeri kita ini sudah diserang oleh penjahat-penjahat, pencuri-pencuri gangster, menyamun di sana sini. Kadangkala kita rasa telah diserang oleh dakwah songsang. Kadangkala seolah-olah kita ini sudah diserang oleh bahaya-bahaya komunis. Dahulu saya sudah mengingatkan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, 3-4 tahun dahulu, ada satu masa kita pun tidak lupa, sudah naik ke atas gunung bendera komunis, semua ditulis dalam suratkhbar—tidak peduli. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak boleh kita buat begitu. Perkara kecil jangan kita besarkan. Perumpamaan kita pun ada mengatakan: Jangan benda sejengkal dikata sedepa. Banyak implikasi yang buruk. Perkara yang macam ini Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengambil langkah yang silap.

Saya tidak mengatakan songsang kerana saya tidak faham apa yang sebenarnya. Ajaran-ajaran yang salah, pergi siasat, kalau betul salah—tangkap. Serupa juga macam di suratkhbar, diceritakan di sana sini ada kejadian rogol, budak-budak sekolah baca, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak mengadakan pendidikan yang baik dari segi

pelajaran, tetapi mereka mengeluarkan cerita di sana rogol, di sini rogol, di sana tangkap basah. Apa ini, Tuan Yang di-Pertua? Seolah-olah negeri ini sudah jadi macam ini semua, saya hairan!

Saya harap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ambil tindakan dan jangan biarkan. Biarlah perkara yang baik-baik banyak ditulis, banyak contoh-contoh tauladan yang baik-baik dalam dunia, macam baru-baru ini Puan Hajjah Anjah yang dapat hadiah seorang ibu yang waras, yang menjadi seorang ibu yang berguna, bukankah bagus kalau dibaca oleh anak-anak kita. Ditunjukkan dalam TV, dimasukkan pemimpin-pemimpin kita, negarawan-negarawan kita, biar dibaca oleh anak-anak kita, biar kita tahu bangsanya adalah bangsa yang gagah dalam dunia. Ada negarawan-negarawan yang patriotic! Ini dimasukkan cerita rogol, saya pun tidak faham, cerita tangkap basah, saya pun malu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita di hadapan anak kita pun mereka baca surtkhabar tentang perkara ini kita berasa malu. Saya tidak tahu kalau Tuan Yang di-Pertua tidak berasa malu, tetapi saya malu.

Perkara macam ini Menteri Hal Ewal Dalam Negeri hendaklah mengambil perhatian yang akan datang ini dan minta kerjasama mass-media dan suratkhbar-suratkhbar di negeri ini. Saya rasa perkara yang macam ini tidak usahlah banyak sangat ditulis dan disiarkan. Kasihanlah kepada anak-anak kita yang beratus ribu masih bersekolah dalam negeri kita ini, sekolah rendah, menengah dan tinggi. Jika mereka baca benda yang macam itu secara tidak langsung mereka mendapat satu pengajaran yang memberi bekas dalam hati mereka. Sebab logik manusia dalam dunia ini perkara yang tidak baik lekas menjadi; perkara yang baik susah menjadi. Jadi, saya harap mendapat kerjasama para wartawan suratkhbar, majalah dan juga Menteri Penerangan, begitu juga dalam TV kita janganlah banyak sangat.

Saya suka juga tengok cerita pergaduhan, cerita rompak. Tetapi kalau sudah banyak sangat anak-anak kecil kita terpengaruh. Sekarang kita tengok ramai anak-anak kecil, dia sama dia bertembak, kadang-kadang dia

jatuh sendiri, dia kata dia sudah kena tembak serupa macam lakunan dia tengok dalam TV. Sebagai seorang pendidik, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu perkara yang harus kita atasi.

Kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya syorkan perkara-perkara yang seolah-olah menyerang negeri kita, perkara ini perkara kecil yang sebenarnya, patutlah diatasi. Kalau perlu—tangkap, tidak usah peri kemanusiaan. Negeri yang dekat dengan kita pun tidak peduli. Sekarang ini masalah Vietnam saya dahulu lagi sudah mengingatkan—tangkap dan hantar balik. Mula-mula dahulu saya sudah sebutkan dalam Parlimen ini, semasa Vietnam mula-mula masuk, tangkap dan dihantar balik. Oleh sebab kita berperki kemanusiaanlah kita hantar balik. Kalau kita tembak dia, kita hentam dia dengan batu sampai mati di laut, itu tidak berperki kemanusiaan, tetapi kita biarkan dalam negeri kita ini jadi beban. Anak-anak kita, orang-orang tua kita dan rakyat kita perlu kita tolong. Negeri yang kaya-kaya dan yang mengaku mahu ambil mereka ini mengapa pula pilih-pilih orang, orang ini dia pilih ambil 3 orang, dia ambil 20 orang yang baik-baik, yang sihat-sihat yang dia boleh buat jadikan kulinya di sana agaknya. Yang sakit sedikit dia tidak mahu, dia beri kepada Malaysia. Saya harap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ambil perhatian tentang hal ini. Dahulu lagi saya sudah ingatkan. Peri kemanusiaan ini ada batasnya, kita menolong orang ada batasnya, jangan ikut kata “Kera dihutan disusui, anak dikendong diletakkan”. Perumpamaan kita ini 100% salah, ini seperti tikam diri sendiri dari belakang. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya ingatkan balik, selain daripada gejala-gejala buruk ini harus diatasi, orang-orang Vietnam ini juga hantarlal balik. Kalaupun tidak dihantar balik, beritahu kepada negeri-negeri yang kaya dalam dunia ini seperti Amerika, Canada, Great Britain, Australia, negeri-negeri yang mengaku dirinya great, jangan cakap banyak—ambil, kami minta maaf, dalam negeri kami pun ada macam-macam hal lagipun negeri kami kecil, rakyat hanya 13 juta sahaja. Rakyat mereka sampai ratusan juta, ambillah ini sebab ia cukup mampu

menanggungnya. Janganlah kita cakap fasal perikemanusiaan sahaja, seolah-olah orang lain tidak ada peri kemanusiaan! Cuba tengok Singapura itu sendiri, dia tidak mahu, adakah Singapura tidak ada peri kemanusiaan? Dia tahu, dia berkewajipan jaga rakyatnya sendiri, rakyat dia sendiri banyak masalah, kita di sini pun begitu juga.

Lagi satu, janganlah sampai hari kiamat hendak taruh lagi pelarian-pelarian Vietnam ini. Saya bersimpati, saya pun sedih melihat mereka, saya pun menitiskan airmata, memanglah jiwa saya selalu terusik apabila melihat kemiskinan dan kemelaratan manusia: Walaupun bukan bangsa atau rakyat kita sendiri, saya menitiskan airmata kerana kasihan melihat mereka di Pulau Bidong tempoh hari. Tinggal lagi apabila kita kaji balik ada batasnya kita kesian, kesian kita, kita jaga mereka selamat, kita beri mereka makan, kita ubati yang sakit dan kita hantar mereka balik ataupun hantar cepat kepada negeri-negeri yang cakap banyak hendak tolong, hendak ambil. Bila hendak ambil? Sampai sekarang ada lagi! Kemudian itu tiada satu batas saya dapati yang mengatakan boleh disekat. Mereka datang lagi, datang lagi, macam mana ini? Saya harap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat mengatasi gejala-gejala yang saya pandang kurang sihat yang kita berbuat demikian itu. Siapa pun dalam dunia tiada menafikan perikemanusiaan. Saya percaya semua orang dalam Dewan ini ada perikemanusiaan, tetapi ada batasnya. Saya ulang balik, "jangan sampai kera di hutan kita susui, anak di kendung kita letakkan".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk sebab saya ini wakil negeri Perak, saya hendak sebut dua tiga perkara kepada yang berkenaan kalau tidak nanti mereka akan berkata, "apa guna dilantik wakil dari Perak", pada hal negeri Perak, saya ini bukan faham negeri, sebab pada pandangan saya faham negeri sekarang patut dibasmikan, Malaysia adalah tanahair kita. Itu yang sebenarnya.

Ada satu perkara yang saya sudah sebutkan dalam Dewan ini masih lagi saya nampak tidak berjalan, salah satu ialah hospital pekan di Raja Kuala Kangsar tempat saya di sana. Sampai sekarang janji Menteri dua tahun

dahulu hendak didirikan tetapi hingga sekarang tidak didirikan lagi hospital perempuan. Saya pun malu rasanya, saya balik dahulu selepas bercakap di Dewan ini saya pun beri tahu di sana, "tidak apa, insya Allah, hospital kita akan dibuat dalam tahun 1980, Menteri kata hendak buat". Sekarang sampai hampir masuk tahun 1981, tiada apa pun lagi. Saya mintalah Menteri itu tolonglah, kita dalam dunia ini apa yang dikata, kota, kalau tidak jangan kata, ini bahaya. Kita berdepan dengan rakyat semua, senang sahaja. Kita kata tidak boleh, tidak boleh. Jangan berbelit-belit. Ada setengah orang jawab berbelit-belit, ada setengah Menteri serupa jawab dalam Dewan, saya pun terkejut jawabannya berbalik-balik tidak faham saya. Jawablah tegas, tidak dapat pasal kita tiada duit, habis perkara. Ada tempat yang perlu lebih lagi, jadi puas hati kita semua. Kita sekarang tak usah hendak berdiplomasi sangat, perkara yang saya rasa bukan patut berbuat begitu. Saya harap Menteri berkenaan tolonglah jalankan, ini pun perkara demi untuk orang miskin, orang yang memerlukan sangat ramai 60,000 orang dan kawasan itu kawasan sesak sampai kepada Gerik kadangkala Lenggong wanita kelilingnya datang berubat di situ dan hospital yang ada di situ begitu daif seperti saya cakapkan tadi, Menteri pun tahu tetapi sampai hari ini belum dibuat apa-apa.

Nombor satu, saya sendiri malu kepada diri saya sendiri, saya pun silap, saya sudah beri tahu insya Allah Menteri sudah mengaku, lain kali saya tidak berani berkata begitu.

Nombor dua, fasal rumah MARA di Padang Rengas, janji juga hendak buat dahulu sampai sekarang belum dibuat lagi. Ini saya dengar ada ura-ura, jadi saya harap ura-ura itu tolong ambil ingatan, Menteri Perusahaan Awam, tolonglah buat dalam tahun ini. Nombor tiga, di bandar di Raja itu kepada UDA saya harap buat satu perpustakaan, diisi buku-buku. Beratusan murid di sekolah rendah dan sekolah menengah saya rasa perlu kerana seluruh negeri Perak itulah pusat orang Melayu, bukan Melayu sahaja, Cina, India pun boleh, rakyat negeri ini boleh mengambil sama kesempatan hendaknya. Saya rasa dirikanlah satu perpustakaan bagi faedah orang-orang

yang daif yang ramai di bandar di Raja sambil kita besarkan, di samping itu pun semua wakil-wakil luar negeri bila melawat negeri Perak akan datang ke bandar di Raja Kuala Kangsar kerana datang melawat istana tetapi tiada satu perpustakaan ataupun satu tempat yang harus kita tunjukkan yang berpatutan mengikut zaman moden kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, agak berapa minit lagi?

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi satu, saya harap dari pihak Kementerian Pelajaran. Ramai guru-guru yang telah berjumpa saya di mesyuarat iaitu guru-guru dalam masa penjajah British dahulu menentang British, saya tidak tahu apa parti mereka masuk tetapi saya tahu mereka menentang penjajah tetapi malang nasibnya, sampai sekarang pencen pun tidak dapat apabila mereka berhenti.

Saya ingat apa yang dilakukan oleh Datuk Sagar di Pasir Salak dahulu, dia bunuh penjajah Birch fasal membuat peraturan-peraturan yang menyalahi peraturan bangsa kita di Pasir Salak. Datuk Sagar bunuh Birch fasal membuat pengkhianatan kepada bangsa kita. Berani orang kita, bukan tidak berani, bila sampai masanya berani. Dahulu disebut Datuk Sagar itu seorang penghianat, digantung dan dibunuh tetapi sekarang dia dianggap adalah seorang patriot, satu daripada pahlawan bangsa yang ulung menentang penjajah. Jadi saya harap walaupun tidak disebut sebagai Datuk Sagar, guru-guru yang berjuang semacam ini menentang penjajah British dahulu, ini saya bercakap kerana saya tahu dan saya kenal, salah seorang daripadanya ialah abang daripada bekas Ketua Setiausaha Negara kita yang baru bersara, abang dia sejati. Dia juga yang begitu berjasa keluar daripada Sultan Idris College dahulu, sekarang dia hilang

pencen, tidak dapat apa-apa, penuh penderitaan.

Saya amat simpati dan sedih, saya harap Kementerian Pelajaran ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam kajilah balik beri kesemuanya ini. Sepatutnya mereka sudah lama dapat, ini bukan derhaka kepada Kerajaan, bangsa, ini derhaka kepada penjajah, menentang penjajah yang membuat bangsanya second-class dalam negeri kita. Saya rasa wajar diberi. Saya mohon dan merayu pertimbangan Menteri yang berkenaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Oleh kerana masa sudah sampai, sekali lagi dengan rasa yang penuh ikhlas dan penuh kasih sayang saya hendak merakamkan di Dewan ini penghormatan yang paling tinggi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana Ahli-ahli Dewan ini faham Tuan Yang di-Pertua kita akan meninggalkan kita dalam beberapa hari lagi. Jadi saya rasa seorang yang memegang demokrasi sebagai Presiden Dewan kita yang namanya tetap tercipta dalam sejarah Dewan Negara selagi dunia ini berkembang. Saya doakan keselamatan Tuan Yang di-Pertua dan tahniah atas kejayaan Tuan Yang di-Pertua, dan berdoa kalau boleh disambung lagi, saya seorang yang menyokong Tuan Yang di-Pertua harus duduk di situ lagi.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi penyelarasan perlulah bagi menyeimbangkan menuju kemakmuran, aman damai dan negeri yang penuh kenang-kenangan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 18hb Disember, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.